



BAB II



BAB II

PELAKSANAAN HISBAH DALAM SEJARAH TAMADUN ISLAM

2.1 PENGENALAN

Hisbah merupakan sebuah institusi pengurusan dan pentadbiran yang pernah diamalkan pada zaman silam. Ia merupakan sebuah institusi yang lengkap dari segi pelaksanaan pengadilan dan perundangan memandangkan tugasnya mengawasi segala bentuk penyelewengan yang wujud. Situasi ini bertepatan dengan apa yang diperintahkan oleh agama Islam agar setiap kemungkaran itu dihapuskan dan kebaikan dan makruf ditegakkan. Institusi ini bukanlah sebuah institusi yang telah ketinggalan zaman yang tidak perlu lagi diamalkan, sebaliknya kegemilangannya perlu digilap kembali agar faedahnya dapat dinikmati semula oleh masyarakat dunia hari ini. Hal ini memandangkan institusi ini amat unik dalam Islam kerana menerapkan tahap etika dan agama dalam urusan sehari-hari.

2.2 PENGERTIAN HISBAH

2.2.1 Dari segi bahasa

Perkataan *hisbah* diambil daripada kata akar *h.s.b* yang bermakna ‘masalah kira-kira’, jumlah atau ganjaran. Manakala perkataan *hasaba, yaḥsabu* bermaksud mengira atau mengukur¹. Menurut al-'Autwah *Hisbah* bermakna *iḥtisāb* iaitu meneliti, mentadbir, melihat, mencegah atau menahan seperti mencegah

¹ Muhammad Akram Khan (1985), “*al-Ḥisba And The Islamic Economy*” translated by Muhtar Holland From Public Duties In Islam (The Institutions Of Hisba By Ibn Taymiya) United Kingdom: The Islamic Foundation, hlm. 135.

seseorang daripada melakukan kemungkaran, atau mendapat balasan, seperti seseorang melakukan kebaikan untuk mendapat balasan (*Hisbah*) daripada Allah Taala². Sehubungan dengan takrif tersebut, Ibn Manzūr menyatakan *Hisbah* berasal dari kata kerja *ihtisaba*, *yahtasibu*, *ihtisāban* yang mempunyai beberapa maksud . Pertama ia bermaksud mengharapkan ganjaran pahala daripada Allah (*talab al-ajr*)³ . Secara lebih jelas, pemakaian maksud ini telah digunakan dalam sebuah hadis⁴:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا عَفَرَ لَهُ مَا تَقْدِمُ مِنْ ذَنْبٍ

Bermaksud: "Sesiapa yang berpuasa Ramadan dengan penuh keimanan kepada Allah dan mengharapkan ganjaran pahala dariNya (*ihtisāban*), Allah akan mengampunkan dosa-dosanya yang telah lalu ".

Hadis ini menunjukkan seseorang yang berpuasa dan dalam masa yang sama mengharapkan ganjaran pahala daripada Allah Taala.

Maksud yang kedua pula ialah menegah perbuatan yang dilarang oleh syarak daripada melakukannya⁵ . Maksud yang ketiga daripada perkataan *ihtisaba*, *yahtasibu* yang bererti memikirkan tentang kemungkinan-kemungkinan yang boleh terjadi.

² Abdul al-'Autwah (1969), *Muḥādarah Fī Niḍzām al-Qaḍā Fī al-Islām*. Mesir: Maktabah al-Ahrām. hlm. 78.

³ Ibn Manzūr, Jarnāl ad-dīn Muhammad Bin Mukarram al-Anṣāri (t.t), *Lisān al-'Arāb*, (t.t.p) juz.1, hlm. 305., lihat juga Al-'Arifi, Said Ibn Allah (1407H), *al-Hisbah Wa an-Niyābah al-Āmāh*, Dar al-Rashd: al-Mamlakah al-'Arabiyyah as-Saudiyyah, hlm. 13.

⁴ Imām Abi 'Abdullah Muhammad Bin Ismā'il al-Bukhārī (t.t), *Fatḥ al-Bārī*, *Syarḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*. Kitāb al-īmān, Hadis no. 34.

⁵ Umar ibn Muhammed ibn 'Awād Al-Sanāmī, (1986), *Niṣāb al-Iḥtisāb*. taḥqīq Marizan 'Asiri, Makkatul Mukarramah: Maktabah at-Talib al-Jāmi'i, hlm. 2

Maksud ini banyak digunakan oleh al-Quran seperti firman Allah :

وَلَوْ أَنَّ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا وَمِثْلُهُ وَمَعَهُ لَاقْتَدُوا بِهِ مِنْ
شَوَّءِ الْعَذَابِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَبَدَا لَهُمْ مِنَ اللَّهِ مَا لَمْ يَكُونُوا يَحْتَسِبُونَ



(Surah al-Zumar (39):47)

Terjemahannya: "Dan sekiranya orang-orang yang zalim (kafir) itu memiliki segala isi bumi dan memiliki sebanyak itu lagi bersamanya nescaya mereka akan menebusi diri mereka dengannya daripada azab yang amat dahsyat pada hari qiamat. Dan (ketika) itu ternampaklah kepada mereka sesuatu dari Allah yang tidak terfikir oleh mereka."

Firman Allah lagi:

هُوَ الَّذِي أَخْرَجَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ
مِنْ دِيْرِهِمْ لِأَوْلِ الْحَضَرٍ مَا ظَنَّتُمْ أَنْ يَخْرُجُوا
وَظَنَّوْا أَنَّهُمْ مَانِعُهُمْ خُصُونُهُمْ مِنَ اللَّهِ فَأَتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ حَيْثُ لَمْ
يَحْتَسِبُوا وَقَدْ فِي قُلُوبِهِمْ أَلْرَعْبُ

(Surah al-Hasyr (59):2)

Terjemahannya: "Dialah yang telah mengusir keluar orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitâb (Yahudi Bani an-Nadîr) dari kampung-kampung kediaman mereka bagi kali pertama pengumpulan dan pengusiran (mereka dari Semenanjung Tanah Arab). Kamu (wahai orang-orang mu'min!) sama sekali tidak menyangka mereka akan keluar begitu, dan mereka juga menyangka bahawa benteng-benteng mereka akan dapat mempertahankan mereka dari azab Allah. Lalu datanglah serangan Allah ke atas mereka dari arah yang tidak terfikir oleh

mereka, dan Allah telah mencampakkan ketakutan dalam hati mereka....."

Maksud yang keempat ialah membuat kiraan (*to calculate*) atau jangkaan (*to estimate*). Ia juga telah digunakan di dalam al-Qurān seperti Firman Allah:

وَأَبْنِلُوا الْيَتَامَةَ حَتَّىٰ إِذَا بَلَغُوا الْنِكَاحَ فَإِنْ عَاهَسْتُمْ مِّنْهُمْ رُشْدًا فَأَذْفَعُوهُ إِلَيْهِمْ أُمُولَهُمْ وَلَا تُأْكِلُوهَا إِسْرَافًا وَبِدَارًا أَنْ يَكْبِرُوا

(Sūrah an-Nisā' (4) : 6)

Terjemahannya: "Dan ujilah anak-anak yatim itu sehingga mereka telah sampai usia baligh, jika kamu melihat mereka telah mempunyai kemampuan fikiran, maka serahkanlah kepada mereka harta kepunyaan mereka dan janganlah kamu makan harta mereka secara melampaui batas dan secara tergesa-gesa kerana (mengambil peluang sebelum) mereka besar....."

Bagi maksud yang terakhir pula ialah *hisbah* di ambil dari kata kerja *hasaba*, *yuhäsibu*, *muhäsabah* yang bermaksud menilai diri sendiri atau melakukan *muhäsabah*. Penggunaan maksud ini dapat dilihat daripada peristiwa 'Umar al-Khaṭṭāb yang telah mengarahkan Hātib Bin Abī Balṭā'ah supaya menaikkan harga resinnya atau meninggalkan pasar. Setelah mereka berpisah 'Umar menilai semula arahan yang dibuatnya (*hāṣabā nafsuḥu*), lalu dia telah pergi ke rumah Hātib. 'Umar

kemudian menyatakan beliau telah tersilap dan terpulanglah kepada Hātib untuk menjual resinnya sebagaimana yang beliau kehendaki⁶.

Namun menurut Ibn Sayyidah pula di dalam kitabnya ‘al-Muḥkām wa al-Muhiṭ al-A’zom’ menyatakan *al-Hisbah* ialah mentadbir atau menegah seseorang daripada melakukan kemungkaran⁷.

2.2.2 *Hisbah* dari segi syarak

Para ulamak telah bersepakat memberi definisi dari segi istilah bahawa *hisbah* menyeru melakukan kebaikan dan mencegah melakukan kemungkaran⁸. Berhubungan dengan ini, Imām al-Mawardi sepakat dengan Ibn al-Ukhūwwah dengan mengatakan bahawa *Hisbah* merupakan perintah melakukan kebaikan jika ternyata ditinggalkan dan mencegah melakukan kemungkaran yang jelas ternyata dilakukan⁹. Daripada definisi tersebut memperlihatkan umat Islam sememangnya dituntut oleh Agama melaksanakan tugas āmar makrūf dan nahi munkar seperitmana firman Allah Taala:

وَلْتَكُن مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَاوْنَ عَنِ
الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكُمُ الْمُفْلِحُونَ

(Sūrah Āli-‘Imrān (4) : Ayat 104)

⁶ Ibn Qayyim al-Jauziyyah(t.t), *at-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyāsah al-Syar'iyyah*. Kaherah: Matba'ah al-Madani , hlm. 263.

⁷ Ibn Sayyidah, 'Ali Bin Ismā'il (1958), *al-Muḥkām wa al-Muhiṭ al-A'zom Fi al-Lughah*. juzuk 3, Miṣr Matbaah Muṣṭafa al-Bābī al-Halabī, hlm. 149.

⁸ Dr.Şubhi Abdul Mun'im Mâhmud (1992), *Ensiklopedia Ekonomi Islam*. Salahuddin Abdullah (terj.), Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 16.

⁹ Abi al-Hasan 'Ali Bin Ḥabib, Al-Mawardi (1973), *al-Āḥkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyat ad-Diniyyah*. Cet. 3, Dār al-Fikr Li at-Tob'ah, hlm. 240.

Terjemahannya: “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebaikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh membuat segala perkara yang baik serta melarang daripada perkara yang salah (buruk dan keji), dan mereka yang bersifat demikian ialah orang berjaya”.

Dalam kontek pemerintahan dan pentadbiran Islam, adalah menjadi kewajipan pemerintah mewujudkan sebuah badan atau institusi bagi bertanggungjawab dalam aspek ini.

Manakala al-Ghazālī pula menjelaskan bahawa istilah *Hisbah* adalah ungkapan lengkap yang merangkumi tugas mengajak kepada perbuatan makruf dan mencegah perbuatan yang mungkar¹⁰. Sungguhpun demikian, al-Syaizāri pula mendefinisikan *Hisbah* sebagai perbuatan menyuruh kepada yang makruf dan mencegah yang mungkar, serta memperbaiki kehidupan masyarakat¹¹. Pendapat ini sama seperti yang diutarakan oleh Ibn Bassām¹². Begitu juga dengan Ibn Khaldūn yang mentakrifkan *Hisbah* sebagai perintah melakukan kebaikan dan mencegah daripada yang mungkar¹³.

¹⁰ Abū Ḥamid Muḥammad b. Muḥammad al-Ghazālī (1968), *Iḥyā' 'Ulūmiddin*. Kaherah: Muassasah al-Halabi wa Syurakah, hlm. 398.

¹¹ As-Syaizāri , 'Abdul Rahman Bin Nasr (1981), *Kitāb an-Nihāyat ar-Rutbah Fī Talab al-Ḥisbah*. Beirut Lubnan : Dar as-Syaqāfah, hlm. 6.

¹² Dr.'Abd Allah Muhamad 'Abd Allah (1996), *Wilāyah al-Ḥisbah Fī al-Islām*. Qaherah: Maktabah az-Zahrā', hlm. 57.

¹³ Ibn Khaldūn, 'Abd al-Rahman Bin Muhammad (1984), *Muqaddimah Ibn Khaldūn*. Beirut: Dar al-Qalam, hlm. 462-463.

Namun di sini 'Abd al-Hādi tidak mentakrifkan *Hisbah* sebaliknya mentakrifkan institusi *Hisbah* itu sendiri sebagai satu sistem yang dapat mempastikan individu supaya berkelakuan moral dalam erti kata yang lain mempamerkan tingkah laku yang bermoral. Ini menunjukkan ia sebagai sebuah institusi penyekatan dan pengimbang¹⁴.

Secara lebih khusus lagi, al-Syizāri telah menyatakan bahawa *al-*Hisbah** ialah tindakan mencegah perbuatan yang menimbulkan bencana dan mudhārat kepada orang ramai dalam urusan pemasaran dan perusahaan mereka, iaitu seperti mencegah para peniaga daripada melakukan perbuatan menyorok barang atau monopoli dan memaksa mereka menjual barang-barang yang disorok itu dengan harga yang berpatutan¹⁵ secara paksaan, melarang dan menegah perbuatan menipu para pengeluar yang kebanyakannya berasal daripada kaum tani yang tinggal di desa-desa atau kampung-kampung supaya mereka tidak menjual barang mereka kepada orang tengah dengan harga yang terlalu rendah jika dibandingkan dengan harga di pasaran, juga mengawasi tukang-tukang roti, pencetak-pencetak buku dan pemilik-pemilik perusahaan seperti pekedai-pekedai ubat, penjual minyak wangi dan penenun kain daripada orang ramai membeli bahan-bahan makanan dan keperluan-keperluan mereka yang lain¹⁶.

¹⁴ 'Abd al-Hadi, Hamdi Amin (1975), *al-Fikrah al-Idāriyyah al-Islāmiyyah wa al-Muqāranah*. Cairo: Dar al-Fikrah al-'Arabi, cet. 2, hlm. 243.

¹⁵ Menurut Dr Ismāil Syahat, harga yang berpatutan itu bermaksud yang tidak merugikan si pembeli dan si penjual dan dapat pula memenuhi keadilan terhadap semua golongan masyarakat. Lihat Abdul Samī' al-Miṣr (1986), *at-Tijārah Fi al-Islām*. Maktabah Wahbah, cet.2, hlm. 32 .

¹⁶ Dr. Muhammad 'Abdul Mu'min al-Jamāl, *op.cit*, hlm. 361-362.

Di permulaan buku '*Ma'ālim al-Qurbah*', Ibn Ukhūwwa menerangkan takrif *Hisbah* dengan menyatakan tugasnya iaitu melengkapkan proses pengawalan individu yang menjalankan perniagaan dengan bahagian penapisan dan sukatan dalam proses mengekalkan undang-undang sejagat seperti penyeliaan oleh ketua pemasaran dan pekedai. Ini juga termasuklah penerangan berkaitan dengan penipuan dan tipudaya yang dilakukan terhadap barangniaga dengan pelbagai cara seperti pemalsuan atau merendah-rendahkan mutunya atau sebagainya¹⁷.

Daripada definisi-definisi yang telah dinyatakan di atas, kesimpulan yang dapat difahami di sini ialah *Hisbah* merupakan sebuah institusi penguatkuasa yang berfungsi untuk memastikan agar kebaikan dilakukan apabila ternyata ditinggalkan dan melarang daripada melakukan kemungkaran apabila ternyata dilakukannya atau dengan pemahaman yang lebih mudah ialah penghapusan kemungkaran yang sedang berlaku dan arahan melakukan kebaikan yang ditinggalkan. Sememangnya menurut Ibn Khaldūn *Hisbah* merupakan satu tugas keagamaan¹⁸ yang mana bersangkutan dengan etika sosial yakni disiplin umum, moral dan juga etika. Bidangkuasa institusi ini adalah mengawasi agar aktiviti sosial masyarakat berjalan di atas tuntutan syarak dan undang-undang. Para pengawasnya diberi kuasa menjatuhkan hukuman di atas segala kesalahan yang nyata. Pada peringkat awal sejarah Islam, aktivitinya tertumpu di pasar-pasar kerana banyak pelanggaran etika dan undang-undang berlaku.

¹⁷ Ibn Ukhūwwa Diya al-Dīn Muḥammad Bin Muḥammad al-Qurāshī al-Shāfi'i (1938), *Kitab Ma'alim al-Qurbah Fī Aḥkām al-Ḥisba*. Reuben Levy (edit.), London: Cambridge University Press, hlm. 1.

¹⁸ Ibn Khaldūn, 'Abd al-Rahmān Bin Muḥammad (1984), *Mugaddimah Ibn Khaldūn*. Beirut: Dar al-Qalam, hlm. 201.

Berasaskan hakikat ini kakitangannya lebih dikenali sebagai *ṣāhib as-sūq* (penyelia pasar).

2.3 DALIL PENSYARIATAN HISBAH

Seperti yang telah ditegaskan sebelum ini bahawa *Hisbah* merupakan tugas keagamaan untuk menegakkan kebenaran dan meninggalkan kemungkaran yang menjadi tuntutan syarak. Hakikatnya prinsip *Hisbah* ini diakui oleh al-Qurān dan juga al-Hadīth. Sekiranya diteliti terdapat banyak ayat al-Qurān dan al-Sunnah Rasulullah S.A.W. yang memerintahkan agar melaksanakan tugas tersebut.

2.3.1 Al-Qurān

Di antaranya Allah berfirman:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُغْرِبِ وَيَنْهَا عَنِ
الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ 

(Sūrah Āli-'Imrān (3) : 104)

Terjemahannya: “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebaikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh membuat segala perkara yang baik serta melarang daripada perkara yang salah (buruk dan keji), dan mereka yang bersifat demikian ialah orang berjaya”.

Firman Allah lagi:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءُهُمْ بَعْضٌ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَيَنْهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيَعِيْمُونَ الْأَصْلَوَةَ وَيُؤْتُونَ الْزَّكَوَةَ وَيُطْبِعُونَ اللَّهَ
وَرَسُولَهُ وَأُولَئِكَ سَيِّدُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَرِيزٌ حَكِيمٌ
◎ ٧٦

(Sūrah at-Taubah (10) : 71)

Terjemahannya: "Para muslimin dan para musimat adalah rakan-rakan setia terhadap satu sama lain. Mereka menyuruh melakukan segala yang makruf dan melarang melakukan segala yang mungkar. Mereka mendirikan solat, menunaikan zakat dan mentaati Allah dan Rasulnya. Merekalah orang-orang yang akan dirahmati Allah, sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana".

Firman Allah lagi:

كُنْتُمْ خَيْرُ أُمَّةٍ أُخْرِجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَاوْنَ
عَنِ الْمُنْكَرِ وَتَوْمِئُونَ بِاللَّهِ

(Sūrah Āli-'Imrān (3) : 110)

Terjemahannya : "Kamulah sebaik-baik umat yang telah dilahirkan ke tengah-tengah manusia, kamu menyuruh dengan kebijakan dan melarang daripada kemungkaran".

Firman Allah lagi:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَيَقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيَطْبِعُونَ اللَّهَ
وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيِّدُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ
٧٦

(Sūrah at-Taubah (10) : 71)

Terjemahannya: "Para muslimin dan para muslimate adalah rakan-rakan setia terhadap satu sama lain. Mereka menyuruh melakukan segala yang makruf dan melarang melakukan segala yang mungkar. Mereka mendirikan solat, menunaikan zakat dan mentaati Allah dan Rasulnya. Merekalah orang-orang yang akan dirahmati Allah, sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana".

Firman Allah lagi:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجْتُ لِلأَنِّي شَاءْ رَوْنَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَى عَنِ
عَنِ الْمُنْكَرِ وَتَوَمَّنُونَ بِاللَّهِ

(Sūrah Āli-'Imrān (3) : 110)

Terjemahannya : "Kamulah sebaik-baik umat yang telah dilahirkan ke tengah-tengah manusia, kamu menyuruh dengan kebijakan dan melarang daripada kemungkaran".

2.3.2 As-Sunnah

Di samping ayat-ayat al-Quran, terdapat juga hadis-hadis yang memerintahkan agar kebaikan ditegakkan dan kejahatan dicegah. Di antaranya ialah Rasulullah S.A.W bersabda¹⁹:

مَنْ رَأَىٰ مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغْرِهْ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَلِسَانَهُ فَإِنْ لَمْ
يَسْتَطِعْ قَيْقَلِيهِ وَتَلِكَ أَضْعَافُ الْإِيمَانِ

Bermaksud: " Siapa di antara kamu melihat kemunkaran, maka hendaklah ia merubah dengan tangannya (kuasa yang ada padanya). Jika ia tidak mampu (merubah dengan tangannya) maka (hendaklah ia merubah) dengan lidahnya. Jika tidak mampu (merubah dengan lidahnya) maka hendaklah dengan hatinya, dan yang demikian itu adalah selemah-lemah iman ".

Sabdanya lagi²⁰:

لَيَأْمُرُنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَلَا تَنْهَوُنَّ عَنِ الْمُنْكَرِ وَلَيُؤْشِكَنَّ اللَّهُ أَنْ يَبْعَثَ
عَلَيْكُمْ عِقَابًا مِنْهُ فَلَا يَسْتَجِيبُ لَكُمْ

Bermaksud: "...sesungguhnya hendaklah kamu menyuruh berbuat yang makrif dan hendaklah kamu mencegah kemunkaran, atau (kalau tidak maka) sesungguhnya Allah akan membiarkan orang-orang jahat menguasai kamu, kemudian lalu berdoa orang-orang baik dari kalangan kamu, maka tidak diperkenan lagi doa mereka".

¹⁹ Imām al-Hāfiẓ Abī Ḥiṣr Muḥammad Bin Ḥiṣr Bin Surat at-Tirmidhi (t.t), *Sunan at-Tirmidhi wa Ḥiṣr al-Jāmi' as-sahīḥ*, bab Mā Jāa Fi Taghyīr al-Munkar Bi al-Yad au Bi al-Lisān au Bi al-Qalbī, no. Hadis. 2263.

²⁰ Imām al-Hāfiẓ Abī Ḥiṣr Muḥammad Bin Ḥiṣr Bin Surat at-Tirmidhi ((t.t), *Sunan at-Tirmidhi*. Bab Mā jāa fi al-Amr bil ma'ruf wa an-nahi', anil-munkar, no. Hadis 2259.

Sabdanya lagi²¹:

إِنَّ مِنْ أَعْظَامِ الْجِهَادِ كَلِمَةُ عَدْلٍ عِنْدَ سُلْطَانٍ جَائِرٍ

Bermaksud : "Sesungguhnya jihad yang paling besar ialah kata-kata yang benar di hadapan sultan (pemimpin) yang zalim".

Berdasarkan kepada hadis-hadis di atas jelaslah kepada kita bahawa *Hisbah* merupakan salah satu tuntutan syarak yang wajib dilaksanakan.

2.4 HUKUM HISBAH

Golongan ulamak berpendapat bahawa hukum melaksanakan *Hisbah* iaitu *Farḍu Kifāyah*, yang mana apabila dilaksanakan oleh sebahagian daripada manusia maka kewajipan tersebut akan terlepas daripada tanggungan orang lain. Tujuan *Hisbah* ialah hendaklah dilaksanakan dalam masyarakat tanpa mengira siapakan yang melaksanakannya. Walaupun demikian hukum farḍu kifāyah ini akan menjadi farḍu 'ain jika tidak ada orang lain yang boleh melaksanakannya, dan begitulah juga menjadi farḍu 'ain jika pemerintah telah melantik seseorang atau membentuk sebuah institusi untuk melaksanakan tugas *Hisbah* ini²².

²¹ Imām al-Hāfiẓ Abī Ḥiṣād Muḥammad Bin Ḥiṣād Surat at-Tirmizi ((t.t), *Sunan at-Tirmizi*. Juz. 3, bab Afḍhal al-jihād kālimat 'adl īndā šūlṭān jāir, no. Hadis 2265.

²² Dr. 'Abdul Karīm Zaydān (1984), *Nizām al-Qaḍā Fi al-Islām*. Baghdād : Matba'ah al-Ā'iñi, hlm. 315.

2.5 RUKUN ḤISBAH

Institusi *Hisbah* terdiri daripada 4 rukun, iaitu:

1. Pelaksana tugas *Hisbah* (محتسب)
2. Pihak yang *dihisbah* (محتسب عليه)
3. Bidang atau kes *Hisbah* (محتسب فيه)
4. Tindakan *Hisbah* (إحتساب)

2.5.1 Al-Muhtasib Serta Syarat-Syarat Kelayakannya

Penguasa atau *muhtasib* merupakan orang-orang yang menjalankan tugas-tugas *Hisbah* dalam masyarakat dan negara Islam; yang mana ianya telah dilantik secara rasmi oleh pihak Imam atau pemerintah untuk mempastikan bahawa kebaikan-kebaikan dibuat dan kemungkaran-kemungkaran itu ditinggalkan. Malahan penguasa ini juga memperolehi kekuasaan daripada syarā' sendiri bagi melaksanakan tuntutan tersebut .

Biasanya penguasa *Hisbah* dipanggil *muhtasib*, namun terdapat beberapa lagi gelaran yang diberikan kepada penguasa *Hisbah* ini seperti *Wālī as-Sūq* atau *Sāhib as-Sūq*²³. Di negara-negara Arab di Afrika Utara, mereka ini lebih dikenali dengan panggilan Pengawas Pasar (*Sāhib al-sūq*), di Turki dipanggil *Muhtasib Aghāsi* dan di Benua kecil India pula disebut *Kotwal*²⁴. Istilah yang dikenali umum keseluruhannya

²³ Yahya Bin 'Umar (1956), *Aḥkām as-Sūq*. Tahqīq wa Ta'liq al-Ustāz ad-Doktor Mahmūd 'Aliy al-Makīy, Madrid: Nasy Fi Salitas al-Ma'had al-Miṣr Liddirāsāt al-Islāmiyyah, jilid 4, hlm. 94.

²⁴ Auni Hj. Abdullah, *op.cit.*, hlm. 2.

berkaitan dengan pasar kerana tumpuan aktivitinya adalah di pasar yang banyak berlaku kemungkar dalam pelbagai bentuk sama ada dalam aktiviti perniagaan atau aktiviti sosial lain.

Menurut seorang orientalis Nicola Ziadeh di dalam bukunya '*al-Hisbah Fi al-Islām*', penguasa *Hisbah* berasal daripada kalangan orang-orang Yunani pada masa pemerintahan Roman Byzantine yang dipanggil 'Agronomose'²⁵. Namun pendapat ini disangkal oleh ramai pengkaji sejarah memandangkan amalan *Hisbah* ini telah dilaksanakan sejak zaman Rasulullah s.a.w. dan juga Khulafak ar-Rasyidin lagi dan tidak selepas penaklukan Islam ke atas Rome dan Parsi.

Walau apa pun gelaran yang diberikan, namun tugas penguatkuasaannya tetap sama iaitu menyeru membuat baik dan mencegah perbuatan mungkar, memelihara tingkah laku yang baik, amanah serta mengawasi perjalanan hukum syarak.

Memandangkan tugas *muhtasib* merupakan tanggung jawab yang berat, maka para *fuqaha'* telah meletakkan beberapa kriteria atau syarat tertentu untuk melayakkan seseorang dilantik menjadi *muhtasib*. Di antaranya ialah²⁶:

1. *Muhtasib* terdiri dari kalangan orang lelaki muslim yang cukup umur dan sempurna akal fikiran. Ini memandangkan *Hisbah* adalah tugas melaksanakan tuntutan Islam.

²⁵ Nicola Ziadeh, *al-Hisbah Fil Islām*, op.cit., hlm. 7.

²⁶ Dr. 'Abdullah Muhammad 'Abdullah (1996), *Wilāyah al-Ḥisbah Fil Islām*. Qahirah : Maktabah az-Zahrā', hlm 137.

2. Berpengetahuan dalam hukum syariah atau mengetahui tentang kemungkaran-kemungkaran yang zahir.
3. Berkemampuan menghapuskan kemungkaran dalam pengawasan yang dilakukan yakni berkemampuan dari segi fizikal, mental dan ketegasan untuk bertindak.
4. Merdeka yakni tidak berada dalam tahanan.
5. Bersifat adil dan saksama.
6. Seorang yang khusyuk dalam agama.
7. Mendapat keizinan dari pemerintah.

Dengan penetapan syarat-syarat ini menunjukkan bahawa tugas melaksanakan tanggung jawab ini bukanlah mudah, malah memerlukan seseorang yang benar-benar layak iaitu bukan sahaja layak dari sudut fizikal, bahkan dari pelbagai sudut seperti berpengetahuan dalam bidang hukum Islam, dan berketrampilan dari segi akhlak.

2.5.2 Muhtasab 'alaih atau Pihak Yang Dikenakan tindakan *hisbah*

Muhtasab 'alaih pula ialah setiap insan yang melakukan apa juga perbuatan yang harus atau wajib dihitisab (dikenakan tindakan *hisbah*) padanya. Ia juga dinamakan *muhtasab ma'ah*²⁷. Bersesuaian dengan tugas institusi ini iaitu menentukan kebaikan terlaksana apabila jelas ditinggalkan dan menentukan keburukan ditinggalkan apabila ternyata dilakukan, *muhtasib* wajib mengambil tindakan *Hisbah* ke atas mereka yang meninggalkan makruf yang jelas atau

²⁷ Abdul Karim Zaydān (1984), *Niżām āl-Qādā' Fī al- Islām*.Baghdad:Matba'ah al-Aini, hlm. 331.

melakukan kemunkaran yang jelas. Maka golongan yang dikenakan tindakan inilah yang dinamakan *muhtasab 'alaih*.

Menurut 'Abdul Karīm Zaydān di dalam bukunya *Niżām al-Qaḍā' Fī al-Shari'ah al-Islāmiyyah*, *muhtasab 'alaih* disyaratkan telahpun melakukan perbuatan yang dicela oleh syara' sama ada melakukan munkar yang jelas atau meninggalkan makruf yang jelas walaupun perbuatannya itu tidak dikategorikan sebagai maksiat yang menyalahi syarak. Contohnya seseorang yang gila apabila kelihatan daripadanya sesuatu yang menandakan ia hendak melakukan zina, wajiblah *dihisabkan* ke atasnya, kanak-kanak yang *mumaiyyis* atau tidak apabila meminum arak atau hendak meminumnya dan bercita-cita untuk melakukan demikian, maka wajiblah dikenakan tindakan *Hisbah* ke atasnya walaupun kedua-dua perbuatan tersebut tidak dianggap sebagai maksiat. Berdasarkan inilah maka tidak disyaratkan *muhtasab 'alaih* seorang yang berakal dan baligh²⁸. Ini bermaksud agar suasana pasar atau bandar memperlihatkan komitmen terhadap tuntutan syarak.

2.5.3 *Muhtasib Fīh (Bidang-bidang kes Hisbah)*

Muhtasib Fīh bermaksud perkara-perkara yang menjadi sasaran *Hisbah*. Seperti yang dibincangkan sebelum ini tujuan *Hisbah* ialah menentukan kebaikan apabila ternyata ia ditinggalkan dan menentukan kemunkaran dijauhi apabila jelas dilakukan. Oleh itu kebaikan dan kemunkaran itulah yang menjadi bidang-bidang kes atau sasaran *Hisbah*. Bidang-bidang kes *Hisbah* ini adalah terlalu

²⁸ *Ibid.*

luas seperti mana yang telah disebutkan oleh Imām al-Mawardi dalam kitabnya *al-Aḥkām as-Sultāniyyah*, dapat disimpulkan bahawa tugas *muhtasib* ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu²⁹:

- i. Mempastikan pelaksanaan makruf yang meliputi perkara yang berhubung dengan hak Allah, hak manusia dan campuran antara kedua-duanya.
- ii. Mempastikan peninggalan kemungkaran yang meliputi perkara-perkara yang berhubung dengan hak Allah, hak manusia dan hak kedua-dua.

Hasil daripada perbincangan oleh al-Mawardi berkaitan perkara-perkara tersebut memperlihatkan bahawa perkara-perkara atau bidang-bidang berkaitan kes *hisbah* ini adalah terlalu luas yang mana ia melibatkan hak Allah, hak manusia dan campuran daripada kedua-dua hak tersebut. Ia meliputi perkara-perkara seperti ibadat, muamalat, akidah, sosial dan sebagainya³⁰.

Bidang yang berhubung dengan hak Allah adalah seperti perkara-perkara yang berkaitan dengan ibadat. Contohnya tidak mendirikan solat jumaat, tidak melakukan azan tanpa sebab keuzuran, makan dan minum di khalayak ramai pada bulan Ramadhan dan lain-lain. Berkaitan dengan hak manusia pula adalah seperti perkara-perkara muamalat seperti kontrak yang diharamkan, penipuan dalam jual beli, penipuan dalam timbangan dan sukat dan beberapa perkara lagi³¹.

²⁹ Al-Mawardi, Al-Aḥkām al-Sultāniyyah, *op.cit.*, hlm. 243-245.

³⁰ *Ibid.*

³¹ *Ibid.*

Bagi yang berkaitan dengan percampuran di antara hak Allah dan hak manusia adalah seperti memastikan wanita-wanita yang dicerai mematuhi *'iddah* mereka, bapa tidak menafikan nasab anak setelah sabit pergaulannya dengan ibu anak itu, imam masjid mengimamkan solat jemaah dalam jangka masa yang penjang sehingga membebankan jemaah dan sebagainya lagi³².

2.5.4 *Ihtisāb* (Tindakan melakukan perkara-perkara *hisbah*)

Ihtisāb bermaksud bertindak melakukan kerja-kerja *Hisbah*, seperti *muhtasib* memerintah seseorang melakukan suatu kerja tertentu dengan cara yang tertentu, atau dengan kuasa yang ada padanya ia menghapuskan kemungkaran tertentu, seperti ia pecahkan atau koyak-koyakkannya³³. *Ihtisāb* yang sempurna akan berhasil dengan menghilangkan kemungkaran dan mengapuskannya walaupun dengan kekuatan ketika perlu. Apabila kekuatan tidak berkemampuan, hendaklah perkara kemungkaran tersebut dibawa bagi tindakan pengadilan (mahkamah) agar sebarang perintah atau hukuman dapat dilakukan.

2.6 BIDANG KUASA INSTITUSI HISBAH

Ibn Taimiyyah telah memberikan pendapatnya mengenai *al-Hisbah* dengan mengatakan tugas pegawai jabatan *Hisbah* ialah menjalankan amar makruf dan nahi mungkar dalam semua urusan yang tidak menjadi tugas khusus pegawai-pegawai

³² *Ibid.*, hlm. 246-247.

³³ Abdul Karim Zaydān, *op.cit.*, hlm. 332.

tinggi kerajaan, hakim-hakim dan pegawai-pegawai jabatan kerajaan yang lain³⁴. Ini bermaksud bidangkuasa *Hisbah* ini amat luas seluas pengertian makruf dan munkar menurut syarak, namun ianya terbatas kepada bidang-bidang tertentu sahaja.

Pada awalnya fungsi *Hisbah* (*muhtasib*) terbatas dalam urusan yang berkaitan dengan kegiatan perniagaan dan suasana kehidupan di pasar. Tetapi dengan berkembangnya tamadun manusia dan meningkatnya cabaran dalam aktiviti-aktiviti masyarakat yang perlu ditangani, maka fungsinya menjadi bertambah berat³⁵. Menurut 'Abdul Kādir 'Audah, tugas utama pemerintah Islam ialah melaksanakan perintah Allah, hukum dan sistem Islam³⁶. Namun begitu, menurut al-Mawardi, beliau telah membahagikan tugas pegawai jabatan *Hisbah* (unit penguatkuasa) ini kepada tiga bahagian³⁷ seperitimana yang telah disebutkan sebelum ini.

Secara lebih terperinci, bidangkuasa institusi *Hisbah* ini dapat dirujuk kepada pengkhususan fungsi *muhtasib* yang telah dikelompokkan oleh Auni Abdullah di dalam bukunya *Hisbah* dan Pentadbiran Negara³⁸. Bidang pengkhususan yang pertama meliputi pengawasan berkaitan perkara-perkara yang bersangkutan dengan ibadat. Fungsi ini meliputi tanggung jawab menjamin para penganut Islam supaya berlitzam ketika melaksanakan kerja-kerja ibadat seperti sembahyang, puasa dan juga mengeluarkan zakat. Sekiranya terdapat orang yang engkar daripada

³⁴ Dr. Muhammad 'Abdul Mun'im Al-Jamāl, *op.cit.*, Jilid 1, hlm. 362.

³⁵ Auni Hj. Abdullah, *op.cit.*, hlm 106.

³⁶ 'Abdul Kadir Audah (1983), *Harta Dan Pemerintahan Dalam Islam* (Terj.), Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, hlm. 22.

³⁷ Al-Mawardi, al-Abkār al-Sultāniyyah, *op.cit.*, hlm. 243.

³⁸ Untuk penjelasan lanjut sila rujuk, Auni Haji Abdullah, *op.cit.*, hlm. 108-118.

menyempurnakan perintah Allah Taala, maka *muhtasib* bertindak membetulkan dan menasihati mereka. *Muhtasib* juga berhak mencegah orang jahil yang ingin mengembangkan ajaran agama yang menyeleweng dan mempunyai unsur-unsur bid'ah. Selain itu *muhtasib* bertanggung jawab mengawasi kebersihan masjid, kebersihan suci individu, mengawasi para imam, tukang azan dan qāfi yang gagal menyempurnakan tugas masing-masing³⁹.

Bidangkuasa yang kedua tertakluk kepada tanggung jawab mengawasi kelakuan budaya pergaulan dan adab sopan orang ramai. Tanggung jawab ini tertumpu kepada langkah mengawal orang ramai supaya mematuhi akhlak yang dituntut oleh Islam. Ini termasuklah hubungan sosial di antara lelaki dan perempuan, menjauhi minuman keras, melarang daripada melarang melakukan perkara-perkara sihir, pawang, patung berhala, mengawasi cara berpakaian bagi lelaki dan perempuan dan sebagainya. Termasuk di sini cara layanan orang kaya atau orang yang berkuasa terhadap para pekerjanya supaya tidak berlaku penindasan⁴⁰.

Selain itu, *muhtasib* juga berfungsi mengawasi amalan-amalan yang jelek seperti berjudi, berpeleseran dengan pelacur, mendera murid-murid, menindas kafir zimmi, menzalimi binatang-binatang ternakan, menyeksa kanak-kanak, mengawasi kegiatan golongan pondan dan mendesak si piutang supaya menjelaskan hutang

³⁹ *Ibid*.

⁴⁰ Abdul Karim Zaydān, *opcit.*, hlm. 341.

apabila sampai masanya dan mendesak bapa supaya memberikan nafkah kepada anak-anak kecil yang menjadinya tanggungannya⁴¹.

Bidang ketiga meliputi mengawasi kebersihan dan memelihara kesihatan awam. Fungsi mengawal kebersihan ini meliputi kebersihan tempat awam dan kebersihan makanan yang dijual. Kebersihan tempat awam ini termasuklah tempat-tempat mandi awam, tandas awam, jalan raya dan parit. Kebersihan makanan pula meliputi kedai makan, dan para pekerjaanya selain daripada makanan yang dihidangkan. Di samping itu, *muhtasib* juga bertanggungjawab mengawasi kegiatan-kegiatan ahli-ahli perubatan agar memberikan layanan yang sempurna kepada pesakit⁴².

Seterusnya *muhtasib* berfungsi menyelia kedudukan bangunan dan keselesaan jalan raya. Fungsi ini tertumpu kepada tanggung jawab memelihara kepentingan awam di jalan-jalan raya agar menimbulkan keselesaan kepada para pengguna di samping mengawasi pembinaan bangunan-bangunan agar tidak mengganggu kepentingan orang lain. *Muhtasib* boleh mengambil tindakan terhadap sesiapa yang melakukan kesalahan seperti memanjangkan kedudukan rumahnya sehingga memasuki kawasan lalulintas awam yang ditetapkan. Selain itu *muhtasib* juga berhak mengambil tindakan terhadap sesiapa yang memanjangkan struktur bangunan rumahnya sehingga melepas kawasan rumah jirannya sehingga mengganggu

⁴¹ Al-Asbi'i¹ Muhammad Ibrahim Umar (1990), *al-Syur'ah Fil-Nuzūm al-Islāmiyah*. Malta: Iqra' lil-Taba'ah, hlm. 245.

⁴² *Ibid.*

keselesaan jiran tersebut. *Muhtasib* juga boleh mencegah tuan rumah yang saluran air kotor atau najisnya mengalir ke jalan raya atau kawasan yang berdekatan dengannya⁴³.

Selain itu ia juga berfungsi mencegah penindasan dan penganiayaan terhadap golongan yang lemah. Melalui fungsi ini, *muhtasib* berhak mengawasi majikan agar memberikan layanan yang adil kepada pekerja-pekerjanya, mementingkan keselamatan pekerja-pekerjanya, di samping memastikan agar tidak wujud keadaan tindas menindas di antara satu sama lain. Selain itu juga, mereka berhak mengawasi agar haiwan ternakan juga perlu diberi perlindungan yang sewajarnya dari pelbagai aspek⁴⁴.

Bidangkuasa seterusnya pula ialah mengawasi perjalanan kilang-kilang perusahaan dan kemahiran serta mengawal mutu hasil pengeluaran. Melalui tugas ini, *muhtasib* bertanggung jawab mengawasi segala aspek yang berkaitan dengan kegiatan kilang-kilang perusahaan seperti kedudukan kilang, alat-alat perkakas yang digunakan di kilang, nilai kualiti barang-barang yang dikeluarkan dan sebagainya lagi. Tugas-tugas pengawasan ini penting bagi menjamin pertumbuhan sektor perusahaan yang turut memberikan sumbangan kepada ekonomi negara. Bagi melicinkan pelaksanaan tugas ini, *muhtasib* perlu mendapat kerjasama yang padu daripada golongan yang arif dalam bidang perusahaan⁴⁵.

⁴³ Abdul Karim Zaydān, *op cit.*, hlm. 339.

⁴⁴ Al-Nabḥān Muḥammad Farūq (1988), *Niżām al-Ḥukm Fil Islām*. Beirut: Muassasah ar-Riṣālah, hlm.304-305.

⁴⁵ *Ibid.*

keselesaan jiran tersebut. *Muhtasib* juga boleh mencegah tuan rumah yang saluran air kotor atau najisnya mengalir ke jalan raya atau kawasan yang berdekatan dengannya⁴³.

Selain itu ia juga berfungsi mencegah penindasan dan penganiayaan terhadap golongan yang lemah. Melalui fungsi ini, *muhtasib* berhak mengawasi majikan agar memberikan layanan yang adil kepada pekerja-pekerjanya, mementingkan keselamatan pekerja-pekerjanya, di samping memastikan agar tidak wujud keadaan tindas menindas di antara satu sama lain. Selain itu juga, mereka berhak mengawasi agar haiwan ternakan juga perlu diberi perlindungan yang sewajarnya dari pelbagai aspek⁴⁴.

Bidangkuasa seterusnya pula ialah mengawasi perjalanan kilang-kilang perusahaan dan kemahiran serta mengawal mutu hasil pengeluaran. Melalui tugas ini, *muhtasib* bertanggung jawab mengawasi segala aspek yang berkaitan dengan kegiatan kilang-kilang perusahaan seperti kedudukan kilang, alat-alat perkakas yang digunakan di kilang, nilai kualiti barang-barang yang dikeluarkan dan sebagainya lagi. Tugas-tugas pengawasan ini penting bagi menjamin pertumbuhan sektor perusahaan yang turut memberikan sumbangan kepada ekonomi negara. Bagi melicinkan pelaksanaan tugas ini, *muhtasib* perlu mendapat kerjasama yang padu daripada golongan yang arif dalam bidang perusahaan⁴⁵.

⁴³ Abdul Karim Zaydān, *op.cit.*, hlm. 339.

⁴⁴ Al-Nabhan Muhammad Farūq (1988), *Nizām al-Ihukm Fil Islām*. Beirut: Muassasah ar-Risālah, hlm.304-305.

⁴⁵ *Ibid.*

Bidangkuasa terakhir *muhtasib* iaitu berfungsi mengawasi kegiatan ekonomi dan suasana pasar. Pengawasan terhadap kegiatan ini merupakan tugas pertama yang termaktub di dalam sejarah pertumbuhan institusi ini. bermula daripada tugas inilah, bidangkuasa *muhtasib* mengalami perkembangan sehingga meliputi tugas-tugas lain yang lebih mencabar sesuai dengan tuntutan semasa. Melalui tugas ini, *muhtasib* bertanggung jawab mengawasi kedudukan dan struktur di pasar supaya sesuai dan selesa dan tidak mengganggu kepentingan orang lain. Fungsi mereka juga tertumpu kepada soal menyekat kegiatan penipuan, pemalsuan dan penyelewengan dalam urusan perniagaan seperti menjamin ketepatan dalam sukatan dan timbangan. Dalam melaksanakan tugas-tugas ekonomi ini, *muhtasib* perlu bertindak tegas memerangi pelbagai bentuk penyelewengan dan penindasan seperti penggunaan riba, amalan monopoli, pemerasan tenaga pekerja, penipuan dalam sewa menyewa dan lain-lain lagi⁴⁶. Bidangkuasa lain yang menjadi tugas *muhtasib* ialah mengawasi tingkah laku terhadap anak didik dan memastikan kesejahteraan hidup rakyat jelata.

Melalui apa yang dibincangkan memperlihatkan bahawa tugas *muhtasib* meliputi tugas yang terlalu luas dan mencabar. Ia meliputi pelbagai aspek kehidupan seperti ibadat, sosial, ekonomi, pentadbiran, eksekutif dan hampir keseluruhan yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat. Para *muhtasib* bertanggung jawab berusaha mengahpuskan keadaan ini supaya tidak berterusan agar dapat melahirkan suasana perniagaan dan perdagangan yang sihat, serta mengawasi keadaaan supaya perkara tersebut tidak berulang kembali. Dalam konteks pemerintahan dan pentadbiran

⁴⁶ Abdul Karim Zaydān, *op.cit.*, hlm 340-341.

Malaysia sekarang, bidangkuasa institusi ini sebahagiannya dilaksanakan oleh bahagian penguatkuasa jabatan-jabatan kerajaan secara berasingan yang wujud pada waktu ini.

2.7 PELAKSANAAN *HISBAH* DALAM PERDAGANGAN ISLAM

Selain daripada bidang ibadat, institusi *Hisbah* juga memainkan peranan penting dalam mengawasi pelaksanaan perdagangan harian. Menurut Abdul Sami' al-Miṣrī, di dalam bukunya *al-Tijārah Fi al-Islām*, institusi ini bertanggung jawab mencegah sifat-sifat keji yang berlaku di dalam aktiviti perdagangan seperti menipu dalam sukatan dan timbangan dan juga dalam pembinaan dan perniagaan seluruhnya⁴⁷. Ini selaras dengan Firman Allah yang berbunyi:

وَيَأْلِمُ لِلْمُطَّغِينَ ① إِذَا أَكْتَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ② وَإِذَا
كَالُوكُهُمْ أَوْ زَوْنُوكُهُمْ يُخْسِرُونَ ③

(Sūrah al-Muṭaffifīn (30) : 1-3)

Terjemahannya : "Celakalah kepada orang-orang yang mengurangkan sukatan (dan timbangan), iaitu orang-orang yang apabila menerima sukatan (dan timbangan) yang sempurna. Dan apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka memberi sukatan yang kurang".

⁴⁷ Abdul Sami' al-Miṣrī (1986), *al-Tijārah Fi al-Islām*. Maktabah Wahbah, cet.2, hlm. 32 .

Firman Allah lagi:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ حَوَّاً أُثِيْمًا ١٧

(Surah an-Nisa' (6) : 107)

Terjemahannya : "...Sesungguhnya Allah itu tidak menyukai orang-orang yang banyak melakukan khianat dan banyak berdosa".

Menurut Abdül Sāmi' al-Miṣrī lagi, peranan institusi ini ialah membasmi segala bentuk penipuan terutama perbuatan melindungi kecacatan dan mencampur adukkan barang. Begitu juga dengan mengawal harga barang, pemalsuan dan menyorok barang-barang terutama barang makanan yang harga sederhana. Di samping itu, *muhtasib* juga berusaha membasmi perbuatan sebahagian peniaga yang mengambil keuntungan terlalu tinggi, sedangkan mereka mendapatkan barang tersebut dari pembekal dengan harga yang rendah⁴⁸.

Perlu diakui Institusi *Hisbah* mempunyai keistimewaan tersendiri memandangkan peranannya yang penting kepada bidang ekonomi. Hal ini selari dengan sejarah asal kelahirannya yang bermula di pasar dan dari sinilah ia berkembang pesat sehingga mencakupi bidang tugas yang amat luas. *Müḥtāṣib* mestilah memberikan tumpuan utama mereka mengawal selia aktiviti-aktiviti perekonomian khususnya yang berlaku di pasar. Ini memandangkan ia merupakan suatu tugas yang diwarisi sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi. Menurut Dr. Ahmad

⁴⁸ *Ibid.*, hlm.33.

Che Yaakob, tugas mengawal selia aktiviti perekonomian boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu mengawasi harga barang dan menetapkan harga, memastikan penggunaan alat timbang dan sukat yang betul dan mengawalselia pelbagai jenis perniagaan untuk memastikan tiada penipuan berlaku⁴⁹.

Berdasarkan sejarah pemerintahan dan pentadbiran Islam, apabila ditinjau keadaan di pasar-pasar didapati kemungkaran-kemungkaran berlaku dengan berleluasa. Ini menimbulkan ketidakselesaan di kalangan para pembeli. Berdasarkan

situasi inilah membawa kepada pelaksanaan *Hisbah* di dalam perdagangan dan juga hal-hal yang berkaitan dengan ekonomi. Berasaskan tuntutan syarak, di antara contoh-contoh kegiatan kemungkaran yang memerlukan pelaksanaan *Hisbah* ini seperti :

1. Kegiatan sorok barang
2. Monopoli barang atau kawalan barang
3. Menipu dalam timbangan dan sukatan
4. Menyembunyikan kecacatan sesuatu barang
5. Penetapan harga barang yang tidak seimbang

⁴⁹ Dr.Ahmad Che Yaacob (1999), " Penulisan Fuqaha' Mengenai *Hisbah* dan Peranannya Di Dalam Merealisasikan Hukum Fiqh", *Jurnal Syariah*, Jil. 7, Bil. 2, Julai 1999, hlm.42.

2.7.1 Kegiatan Sorok Barang

Sorok bererti menyembunyikan bijirin atau barang-barang lain dengan tujuan untuk menaikkan harganya dengan sengaja⁵⁰. Terdapat di dalam sejarah bahawa kegiatan ini sering dilakukan oleh saudagar-saudagar Madinah untuk menaikkan harga barang-barang kegunaan harian untuk mendapatkan keuntungan yang lebih banyak. Amalan ini dilarang oleh Rasulullah S.A.W dan menyifatkan peniaga yang melakukan perbuatan demikian sebagai zalim.

Merujuk kepada hakikat ini, institusi *Hisbah* memainkan peranan penting dalam usaha membasmi gejala tidak sihat ini. Dalam merealisasikan pelaksanaan *Hisbah* ini, Khalifah 'Umar al-Khaṭṭāb mengisyiharkan perbuatan sorok tidak sah dan haram, serta menghalang saudagar-saudagar menyorok barang-barang semasa pemerintahan beliau. Tindakan yang sama juga diambil oleh Khalifah 'Uthmān al-'Affān dengan melarang perbuatan sorok barang dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan yang berlipat ganda. Apabila barang disorok, penawaran barang tersebut akan berkurangan. Dengan kekurangan barang inilah penjual mengambil kesempatan meletakkan harga barang yang tinggi. Keadaan ini menzalimi para pengguna⁵¹.

⁵⁰ Afzal ur-Rahmān (1980), *Economic Doctrines Of Islam*, Vol. II, 2nd Edition, Pakistan: Islamic Publications Ltd., hlm. 50.

⁵¹ Surtahman Kastin Hasan (1990), *Ekonomi Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 49.

2.7.2 Monopoli Barang

Monopoli dikatakan wujud apabila seorang penjual yang tunggal mengawal penawaran sesuatu barang atau perkhidmatan kepada seseorang atau sekumpulan orang. Monopoli mengawal penawaran barang atau perkhidmatan dan menetapkan harganya pada tahap paling menguntungkannya, tetapi tidak semestinya memberi faedah kepada masyarakat⁵². Islam melarang keras dan mengharamkan perbuatan monopoli dan Islam juga mewajibkan pihak yang berkuasa campur tangan dalam membanteras perbuatan ini dan mencegah kegiatan pihak yang melakukannya.

Menurut Ibn Khaldūn, monopoli perdagangan dan pertanian akan hanya menghancurkan ekonomi, bukannya membangunkannya⁵³. Untuk itu, pelaksanaan *Hisbah* dipraktikkan supaya keadaan ini tidak berterusan serta mewujudkan suasana perdagangan dan perniagaan yang sihat serta petugas-petugas *Hisbah* sentiasa mengawasi keadaan supaya perkara-perkara tersebut tidak berulang lagi.

2.7.3 Penipuan Dalam Timbangan Dan Sukatan

Dalam aktiviti perniagaan, sifat jujur telah ditempatkan oleh Islam di tempat yang paling utama. Al-Quran telah memerintahkan kita agar mencukupkan (betul-betul) dalam sebarang sukanan dan timbangan⁵⁴. Pada zaman Rasulullah S.A.W., terdapat banyak kelemahan dalam organisasi pemasaran di Tanah Arab. Baginda telah banyak berusaha untuk memperbaiki masalah ini. Semua tipu muslihat dalam

⁵² Afzāl ur-Rahmān, *op.cit.*, hlm. 51.

⁵³ Ibn Khaldun, Muqaddimah, *op.cit.*, hlm. 203.

⁵⁴ Abdul Sami' al-Miṣri, *op.cit.*, hlm. 7.

urusan perdagangan diisyiharkan haram . Penipuan yang paling biasa berlaku di pasar iaitu penipuan dalam timbangan dan sukatan serta amalan buruk lain yang berkaitan dengannya⁵⁵. Firman Allah Taala:

وَأُوفُوا الْكَيْلَ إِذَا كِلْمَ وَزِنُوا بِالْقِسْطَاسِ الْمُسْتَقِيمِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ
تَأْوِيلًا

(Sūrah al-Isrā' (15) : 35)

Terjemahannya :"Dan sempurnakanlah sukatan, jika kamu menyukat dan timbanglah dengan timbangan yang adil, itulah yang lebih baik dan lebih elok akibatnya".

Penipuan dalam ukuran, sukatan dan timbangan adalah suatu kesalahan yang besar dan akan dibalas dengan dosa.

Firman Allah Taala lagi:

وَأُوفُوا الْكَيْلَ وَالْمِيزَانَ بِالْقِسْطِ

(Sūrah al-An'ām (7): 152)

Terjemahannya : "Dan sempurnakanlah sukatan dan timbangan dengan adil"

⁵⁵ Afzal ur Rahmān, *op.cit.*, hlm. 52.

Dalam hal ini, Rasulullah S.A.W. telah menekankan kepentingan penggunaan unit ukuran dan timbangan yang sewajarnya. Menurut baginda, amalan seperti itu akan membinasakan mereka di dunia ini dan walaupun jika mereka berjaya mengelakkan balasannya di dunia, mereka tidak akan berupaya berbuat demikian pada hari pembalasan. Rasulullah S.A.W. telah mengambil setiap langkah yang mungkin untuk menghentikan amalan menipu ini dengan memperkenalkan penggunaan unit ukuran dan timbangan yang seragam di pasar-pasar⁵⁶.

Manakala menurut al-Mawardi di dalam bukunya '*al-Ahkām as-Sultāniyyah*', bidang tugas penguasa *Hisbah* termasuklah melarang perbuatan mengurangkan sukatan, timbangan dan ukuran kerana terdapat kecaman Allah dalam melarang perbuatan ini⁵⁷. Menurutnya lagi, pengajaran serta tindakan terhadap perbuatan ini adalah berat dan jika sekiranya ia merasa ragu-ragu dengan alat timbangan serta sukatan di pasar, maka ia boleh menguji dan mengukurnya berdasarkan apa yang digunakan oleh orang ramai. Pelaksanaan *Hisbah* dalam masalah ini jelas kelihatan apabila penipuan dalam timbangan dan sukatan itu membawa kepada perbalahan. Penguasa *Hisbah* boleh mengendalikannya atau menyerahkannya kepada kadi bergantung kepada situasi yang berlaku⁵⁸.

⁵⁶ Afzal ur-Rahmān, *op.cit.*, hlm. 53.

⁵⁷ Al- Mawardi, *op.cit.*, hlm. 407.

⁵⁸ *Ibid.*, hlm. 408-409.

2.7.4 Mencampur adukkan barang

Pelaksanaan *Hisbah* di dalam aktiviti perdagangan ini telah pun dilaksanakan sejak zaman baginda Rasulullah lagi. Baginda melarang para peniaga yang menipu di dalam perniagaan dan baginda sendiri pernah melihat kegiatan penipuan itu berlaku iaitu ketika mengawasi pasar, baginda berjalan-jalan di pasar sambil memeriksa makanan yang dijual. Kemudian baginda melihat satu longgokan makanan, lalu baginda memasukkan tangan ke dalam longgokan makanan tersebut. Jari baginda tersentuh sesuatu yang basah. Lalu bagi bertanya kepada penjual itu, “Apakah ini ?”, jawab penjual makanan, “Makanan ini telah terkena air hujan”. Sabda baginda lagi, “Kenapakah tidak engkau letakkan ia di atas, dengan itu orang ramai akan melihatnya”⁵⁹. Maka baginda pun bersabda⁶⁰:

مَنْ عَاشَ فَلِيْسَ مَبْرُونٌ

Bermaksud :

“Sesiapa yang menipu, bukan dari golongan kami”.

Selain Rasulullah S.A.W. diriwayatkan khalifah 'Umar pernah mencurahkan susu yang dicampur dengan cecair lain. Ini dilakukan oleh baginda di hadapan peniaga tersebut⁶¹.

⁵⁹ Atiyyah Muṣṭafa Muṣyrifah (1966), *al-Qadā' Fi al-Islām*, Mesir: Sharikah al-Sharq al-Ausat, hlm. 18.

⁶⁰ As-San`ani Muḥammad Ismā'il al-Amīr (1967), *Subul as-Salām Bi Syarh Bulūgh al-Marām*, Kitab al-Buyū', Bab Tahrim Al-Ghāsyi, no. Hadis: 769.

⁶¹ Ibn Qayyim al-Jauziyah (t.t), *Al-Turuq al-Hukmiyyah*. Kaherah: Matba'ah al-Madani, hlm. 350.

2.7.5 Talqi-Jalab

Ia merupakan amalan yang biasa dilakukan oleh orang-orang Madinah iaitu apabila petani-petani membawa hasil tanaman mereka ke kota, petani dan orang yang bukan petani akan bertemu di luar kota dan membeli kesemua hasil tanaman itu. Kemudian mereka menjualnya semula dengan harga yang mereka tetapkan. Rasulullah tidak menyukai kaedah jual beli seperti ini kerana merasakan ia tidak adil kepada orang ramai dan oleh itu baginda melarangnya⁶².

Rasulullah melarang pembelian hasil tanaman ini kerana ia merupakan barang penting yang diperlukan oleh semua orang sama ada kaya atau miskin. Oleh itu ia perlulah dijual di pasaran terbuka. Langkah ini juga dapat menghalang golongan kapitalis daripada membeli semua stok bijirin sebelum ia dijual semula di pasaran dan dengan menjual sendiri membolehkan mereka mengawal harga barang itu⁶³.

2.7.6 Penentuan Harga Barang Yang Tidak Seimbang

Harga didefinisikan sebagai nisbah pertukaran sesuatu barang dengan mata wang. Dengan perkataan lain, harga ialah nilai harga pertukaran sesuatu barang dengan nisbah mata wang⁶⁴. Ibn Khaldün telah menyatakan bahawa pasar merupakan tempat bagi menyatakan 'harga' tersebut⁶⁵.

⁶² Afzal ur-Rahman , *Op.cit.*, hlm. 51.

⁶³ *Ibid.*, hlm. 52.

⁶⁴ Dr.Muhammad 'Abdul Mun'im al-Jammäl, *Ensiklopedia Ekonomi Islam*. Jilid 2, *op.cit.*, hlm. 562.

⁶⁵ *Ibid.*, hlm. 537.

Dalam kajian Ibn Khaldun mengenai teori harga, difahami bahawa harga sesuatu barang bergantung kepada penawaran terhadap sesuatu barang, iaitu semakin tinggi penawaran barang itu maka tinggilah harganya dan begitulah sebaliknya⁶⁶. Berdasarkan pendapat 'Abdul Sāmi' al-Miṣrī, penetapan harga sesuatu barang dalam perniagaan hari ini mempunyai dua tujuan, iaitu⁶⁷:

1. Bagi mengelakkan kenaikan harga barang-barang dengan sewenang-sewenangnya.
2. Memberi peluang kepada pihak pemerintah masuk campur dalam penentuan harga barang dalam pasaran yang dikenali dengan " *al-Tasy'iir al-Jabari*" (Harga Kawalan) iaitu menentukan harga barang berdasarkan kepada keperluan orang ramai.

Tujuan perniagaan dalam Islam ialah memberikan khidmat kepada masyarakat, bukannya mencari keuntungan semata-mata. Oleh itu bagi mempastikan kebijakan para pembeli tidak ditipu oleh peniaga yang tidak bertanggung jawab, maka *muhtasib* memainkan peranan yang begitu besar untuk mengawasinya. *Muhtasib* perlu memastikan para peniaga menjual dengan harga yang berpatutan⁶⁸. Berhubung dengan perbincangan berkaitan isu penetapan harga barang,

⁶⁶ Muḥammad 'Abdul Mu'īn al-Jammāl, *op.cit.*, hlm 537-539.

⁶⁷ Abdul Sami' al-Miṣrī, *op.cit.*, hlm. 35.

⁶⁸ Ia bermaksud sesuatu yang tidak merugikan kedua-dua pihak pembeli dan penjual dan dapat pula memenuhi keadilan terhadap semua golongan masyarakat. Ini sama ada harga tersebut dibuat oleh keadaan penawaran dan permintaan dalam pasaran ataupun yang ditentukan oleh pihak pemerintah yang masuk campur dalam penentuan harga barang, tetapi dengan syarat penetapan harga tersebut berdasarkan kepada keadaan ekonomi sebenarnya, dan juga rundingan bersama dengan para peniaga. Lihat Abdul Sami' al-Miṣrī, *Ibid*.hlm. 38.

ada yang mengharuskannya dan ada juga tidak setuju dengan pendapat ini dan masing-masing mempunyai hujjah tersendiri.

Menurut 'Abdul Sami' al-Miṣrī⁶⁹, penentuan harga dengan sewenang-wenang untuk mengaut keuntungan dikira sebagai haram oleh Islam. Mengikut asalnya, perniagaan Islam adalah sebagai pasaran bebas dan penentuan harga barang adalah mengikut hukum penawaran dan permintaan dengan syarat ada penawaran dan permintaan yang sebenarnya terhadap sesuatu barang. Namun penetapan harga itu hendaklah selari dengan prinsip utama Islam iaitu tidak merugikan mana-mana pihak. Di samping tidak ada sebarang penyelewengan dalam penentuan harga⁶⁹. Sesungguhnya segala perbuatan menipu dalam perniagaan seperti penyorokan barang, memonopoli atau menindas adalah haram di sisi Allah seperti firmanNya:

يَتَأْمِنُ إِلَّا الظِّلْمُ وَإِمْرَأُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ
إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مَّنْكُمْ

(Sūrah an-Nisā' (6): 29)

Terjemahan : "Janganlah kamu makan harta di kalangan kamu dengan cara yang salah, kecuali dengan perantaraan perniagaan yang dilakukan dengan cara suka sama suka di antara kamu".

Berdasarkan ayat tersebut menunjukkan menaikkan harga (monopoli ataupun spekulasi) dengan tidak berpatutan, ia dianggap memakan harta orang ramai. Oleh sebab itu, bagi mengelakkan berlakunya penipuan Rasulullah S.A.W. tidak pernah

⁶⁹ Abdul Sami' al-Miṣrī, *ibid*.

memerintahkan supaya ditetapkan harga barang ataupun menaikkannya, sebaliknya bergantung kepada keadaan semasa.

Namun begitu, ada juga yang berpendapat dengan mengatakan tidak boleh dibuat penetapan harga terhadap sesuatu barang terhadap pembeli. Masalah penetapan harga ini berlaku di kalangan para fukaha' yang mana masing-masing mempunyai pendapat tersendiri tentang hukum menetapkan harga di pasar-pasar. Ada di antara mereka yang berpendapat tidak perlu menetapkan harga tetapi bergantung kepada keadaan semasa⁷⁰. Hujah berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah dan Abu Daud seperti berikut⁷¹:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَجُلًا جَاءَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ سَعْرٌ فَقَالَ
بَلْ أَذْعُو ثُمَّ جَاءَهُ رَجُلٌ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ سَعْرٌ فَقَالَ بَلْ اللَّهُ
يَخْفِضُ وَيَرْفَعُ ...

Yang bermaksud:

"Telah datang seorang lelaki lalu berkata: Tetapkanlah harga, jawab Rasulullah s.a.w.; "Hendaklah kamu meminta kepada Allah, kemudian datang lagi seorang lelaki lain dan berkata: Wahai Rasulullah, tetapkanlah harga, jawab Baginda: "Hanya Allah yang menurun atau menaikkan harga...".

Melalui hadis tersebut, memperlihatkan Allah sahaja yang berhak menentukan harga barang, kerana ia yang memberi segala nikmat rezeki.

⁷⁰ *Ibid.*, hlm. 38.

⁷¹ Imām Abū Dāud, *Sunan Abu Dāud*, bāb al-buyū' fī at-tas'ir, no. Hadis: 2993.

Namun begitu, daripada kenyataan yang dibincangkan oleh 'Abdul Sami' al-Miṣrī, jelaslah kepada kita bahawa penetapan harga barang itu adalah harus pada syarak dan ia menjadi wajib ketika keadaan memaksa. Mengikut pandangan Islam, penetapan harga barang adalah untuk menyekat perbuatan menyorok barang, kerana ia akan menyebabkan kenaikan harga barang berkenaan. Berhubung dengan kenyataan ini, 'Abdul Sami' al-Misrī telah menyenaraikan beberapa keadaan yang memaksa dilakukan penetapan harga. Di antaranya ialah⁷²:

1. Ketika orang ramai memerlukan sesuatu barang dan diramalkan permintaan akan semakin tinggi.
2. Ketika para pengeluar atau para peniaga menyorokkan barang-barang keperluan orang ramai.
3. Ketika ada percubaan daripada para peniaga menjual barang-barang keperluan kepada orang berkenaan sahaja ataupun dihadkan kepada jumlah tertentu sehingga sukar dikawal oleh pemerintah.
4. Apabila terdapat sesuatu pakatan di kalangan para peniaga untuk menentang para pengguna atau sebaliknya tentang harga barang.

Mengikut kaedah umum dalam Islam, pihak pemerintah boleh menentukan harga sesuatu barang dengan syarat ia dapat memenuhi kepentingan orang ramai dengan adil kerana ia menjadi asas utama dalam Islam. Dan pemerintah sebaliknya

⁷² *Ibid.*, 42-43.

tidak sepatutnya sewenang-sewenang menetapkan harga barang tanpa sebab-sebab yang mendesak⁷³.

Keadaan ini memperlihatkan masalah yang berlaku memerlukan pihak penguasa campur tangan dalam kelakuan di pasar apabila wujud kecurangan. Campur tangan pemerintah atau pihak penguasa bukannya untuk tujuan curang atau untuk menjadi monopoli, tetapi sebaliknya untuk kebaikan seluruh rakyatnya. Penglibatan kerajaan di pasar bukanlah berbentuk sementara atau bermusim, tetapi secara tetap dan berkekalan⁷⁴.

2.8 HUBUNGAN *HISBAH* DENGAN INSTITUSI PENGADILAN DAN EKSEKUTIF

Dalam perbincangan mengenai sejarah dan bidangkuasa institusi *Hisbah* sebelum ini, sekiranya diteliti secara keseluruhannya menunjukkan perbincangan lebih tertumpu kepada bidang pengawasan dalam pengurusan perdagangan. Ini bersesuaian dengan sejarah pentadbiran Islam yang mana Institusi ini bermula dengan tugasnya mengawasi hal ehwal perdagangan di pasar. Institusi *Hisbah* memainkan peranan penting sebagai satu badan yang melaksanakan tugas pengawasan ke atas masyarakat sekeliling. Ia berdiri di atas dasar tanggung jawab seorang muslim membasmi kemungkar dan menegakkan yang makruf.

⁷³ *Ibid*.

⁷⁴ Surtahman Kastin Hassan, *op.cit.*, hlm 56.

Merujuk kepada pentadbiran di dalam Islam, soal pengawasan amat dititik beratkan memandangkan fungsinya yang amat penting dalam sesebuah pentadbiran. Pelaksanaan institusi ini di dalam sesebuah organisasi dapat menjamin kecemerlangan sesuatu pengurusan yang dijalankan. Bagi melaksanakan urusan pengawasan ini, Institusi *Hisbah* merupakan inisiatif yang terbaik memandangkan tujuan dan prinsip yang tersirat disebaliknya dapat direalisasikan dalam kehidupan zaman sekarang.

Merujuk kepada fungsi Pegawai *Hisbah* sahaja, telah memperlihatkan kepada penulis bahawa Institusi *Hisbah* mempunyai fungsi yang tersendiri yang dapat membezakannya daripada institusi-institusi lain yang berkaitan dengannya seperti institusi pengadilan atau lebih dikenali sebagai Jabatan Kehakiman Islam (al-Qaḍā'), institusi pentadbiran, jabatan pengaduan penganiayaan (*Diwān al-Maẓālim*) dan Jabatan Polis⁷⁵. Institusi kehakiman menjalankan tugas-tugas badan kehakiman, sementara *Diwān al-Maẓālim* menjalankan tugas mengawasi kezaliman yang berlaku di dalam negara dan mempunyai kuasa mengadili yang lebih tinggi daripada kuasa qāḍī dan *Hisbah*⁷⁶, bahkan institusi ini mempunyai kuasa untuk membicarakan kezaliman yang dilakukan oleh para gabenor, oleh pemungut hasil dan oleh hakim biasa. Bahkan juga berkuasa mengadili tokoh-tokoh tinggi di dalam masyarakat, seperti keluarga khalifah dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan. Manakala Jabatan

⁷⁵ Auni Hj. Abdullah (2000), *Hisbah Dan Pentadbiran Negara*. Kuala Lumpur: IKDAS, hlm. 105-106.

⁷⁶ Dr. O.K. Rahmat (1994), *Keadilan Di Dalam Sistem Mahkamah Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyah Dakwah Is Dakwah Islam Malaysia, hlm. 71.

polis pula bertanggung jawab memelihara ketenteraman awam. Keseluruhannya merupakan institusi yang secara umumnya mempunyai tugas yang bermatlamat sama iaitu menguatkuasakan pelaksanaan *syari`ah* demi kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Dalam usaha menjalankan tugas masing-masing, semuanya menekankan soal menegakkan keadilan, memupuk rasa kesedaran tentang tanggung jawab agama dan memelihara kesejahteraan hidup.⁷⁷

Namun apa yang ingin ditekankan oleh penulis di sini ialah hubungan yang wujud antara Institusi *Hisbah* dengan institusi pengadilan dan pentadbiran (eksekutif). Perkaitan di antara keduanya dapat dilihat melalui perbezaan dan persamaan bidangkuasa setiap satunya di antara Institusi *Hisbah* dengan *al-Qaḍā'* dan *al-Maẓālim* yang merupakan sebahagian daripada sistem kehakiman Islam.

Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, *Hisbah* merupakan sebuah institusi yang bertanggung jawab merealisasikan prinsip *al-amr bil-ma'rūf wal-nahyi 'anil-munkar*. Di atas prinsip inilah institusi ini bangun memikul tanggung jawab menangani pelbagai masalah yang berkaitan dengan kehidupan manusia. Berdasarkan apa yang telah dibincangkan sebelum ini, bidang tugas Institusi *Hisbah* ini amat luas dan tidak terhad. Bahkan ada pendapat yang mengatakan kedudukannya berada di tengah-tengah antara *al-qaḍā'* (kehakiman) dan *al-Maẓālim* dan ianya juga dikatakan mempunyai persamaan dan juga perbezaan dari segi fungsi dengan *al-qaḍā'* dan *al-Maẓālim*.

⁷⁷ Auni Abdullah, *op.cit.*, hlm. 106.

Merujuk kepada apa yang telah dihuraikan oleh kebanyakan penulis sebelum ini, secara amnya persamaan yang jelas antara ketiga-tiga institusi dalam sistem kehakiman Islam ini ialah ketiga-tiganya bertugas menentang kezaliman, membendung kejahatan, mendengar dan memutuskan dakwaan dan mengenakan hukuman. Ketiga-tiganya bertujuan mengembalikan hak kepada yang berhak, mewujudkan kedamaian dan keharmonian serta menegakkan keadilan⁷⁸.

Manakala persamaannya secara khusus dapat dilihat di antara institusi *Hisbah* dan al-qādā' seperti berikut. *Muhtasib* dan qādī kedua-duanya berhak membuat pendakwaan terhadap orang yang tertuduh serta mendengar dakwaan daripada mereka yang mengemukakan tuduhan khususnya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan penipuan, pemalsuan, penyelewengan dan kegagalan menyelesaikan pin jaman. Kedua-dua mereka juga berhak memaksa pihak yang tertuduh supaya memperbetul kesilapan dan melangsaikan hak serta tanggungjawab yang terbeban ke atas bahu mereka⁷⁹.

Manakala perbezaan di antara keduanya pula adalah seperti berikut:

1. Muhtasib berhak mendengar tuduhan dan menghukum terhadap kemungkar yang nyata sahaja dan tidak berhak mendengar tuduhan yang tidak nyata yang berkaitan dengan akad jualbeli serta tuntutan lain yang menjadi tanggungjawab kadi.

⁷⁸ Untuk lebih lanjut sila rujuk Al-Zuhaili (1984), *Al-Fiqh al-Islāmī wa-Adillatuh*. (Jil. 6), Beirut: Dar al-Fikr., hlm. 770.

⁷⁹ *Ibid.*

2. *Muhtasib* berhak mendengar dakwaan mengenai hak-hak yang jelas tuntutannya. Akan tetapi kadi bertanggungjawab mendengar perkara-perkara yang ada pertelingkahan dan percanggahan yang memerlukan bukti atau sumpah.
3. *Muhtasib* tidak perlu mendengar pendakwaan atau pengaduan supaya dapat bertindak. Sementara kadi perlu kepada pengaduan atau tuduhan untuk bertindak.
4. *Muhtasib* perlu bertindak cepat, tegas dan keras kerana tanggungjawabnya ialah mencegah mereka daripada melakukan kemungkaran, tetapi kadi perlu bertindak lembut dan bertenang kerana ia bertujuan memberikan kesedaran dan keadilan⁸⁰.

Begini juga terdapat persamaan yang khusus antara Institusi *Hisbah* dengan *al-Mazālim* dari segi bidang kuasa masing-masing iaitu yang pertama, kedua-dua pihak melaksana tanggung jawab dengan menggunakan kekuatan, ketegasan dan kekerasan. Kedua, kedua-dua pihak boleh bertindak tanpa perlu menerima pengaduan dan tuduhan⁸¹. Manakala bagi yang ketiga, pegawai *Hisbah* boleh menggunakan kuasa pemerintah dan kekuatan pembantu-pembantu dalam mencegah dan membasmikan kemungkaran yang nyata. Menurut Dr.'Abdul Karim Zaydān lagi, ia boleh menggunakan cara kekerasan dan juga hukuman ta'zir.

⁸⁰ Mahmūd Helmi (1981), *Nizām al-Jihād al-Islāmi*. Cairo: Maktabah al-Muṣṭafā, hlm. 365-366.

⁸¹ Dr.'Abdul Karim Zaydān, (1984), *Niżam al-Qadā Fī al-Syāri'at al-Islāmiyah*. Baghdad : Matbaah al-Ma'ani, hlm. 323.

Manakala bagi perbezaan yang wujud antara Institusi *Hisbah* dengan *al-Mazālim* pula adalah wilayah *al-Mazālim* boleh bertindak dalam perkara-perkara yang menjadi tanggungjawab qādi dan *muhtasib*. Sementara muhtasib tidak boleh bertindak mewakili qadi dan juga penyelia Mazālim. Keduanya, penyelia mazalim boleh bertindak sebagai pihak yang menjatuhkan hukuman. Manakala, *muhtasib* tidak bersifat demikian tetapi boleh bertindak segera untuk melaksana kerja-kerja menyuruh manusia menunaikan kewajipan yang diabaikan dan melarang manusia daripada cuai menunaikan makruf⁸². Ringkasnya, kesemuanya bertanggung jawab menguatkuaskan undang-undang, menegakkan keadilan dan mewujudkan ketenteraman kepada masyarakat dalam sesebuah negara.

Dalam situasi hari ini, di Malaysia sebahagian daripada peranan dan fungsi institusi *Hisbah* sebagai badan pengawasan telah banyak dilakukan oleh jabatan-jabatan kerajaan. Salah satu daripadanya ialah Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP sendiri. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, unit-unit di Bahagian ini diberi tanggung jawab menjalankan pengawasan mengikut unit masing-masing. Sebagai contoh, unit kawalan harga bertanggung jawab melindungi hak-hak pengguna dan peniaga dalam proses menjalankan urusan perdagangan sehari-hari, selain daripada memberi maklumat baru kepada pengguna dengan mengadakan program-program pendidikan dan sebagainya. Begitu juga dengan unit lain-lainnya yang mana mempunyai tugas penguatkuasaan masing-masing.

⁸² Muhammad Farūq al-Nabhān (1988), *Nizām al-Hukm Fi Al-Islām*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, hlm. 331.

Namun apa yang penulis dapati Bahagian Penguatkuasa tidak mempunyai apa-apa hubungan dari segi struktur organisasi dengan institusi mahkamah mahupun polis. Walau bagaimanapun, Bahagian ini sentiasa bekerjasama dalam pelaksanaan tugas terutamanya dalam penguatkuasaan undang-undang kerana pihak mahkamah yang akan memutuskan penghakiman terhadap kesalahan-kesalahan yang dibawa oleh Bahagian ini untuk perbicaraan di Mahkamah⁸³. Ini memperlihatkan pegawai *Hisbah* hanya boleh mengadili kes secara singkat, manakala kebenaran tidak diragukan. Pegawai *Hisbah* juga mempunyai kuasa menyelidik terhadap kes-kes yang memerlukan pembuktian atau keterangan, seterusnya berhak menjadi saksi kepada pihak mahkamah. Namun begitu kedudukan dan kuasanya lebih rendah daripada kedua-kedua institusi tersebut.

2.9 SEJARAH PERLAKSANAAN INSTITUSI *HISBAH*

2.9.1 Zaman Nabi Muḥammad s.a.w.

Penguatkuasaan merupakan salah satu daripada bahagian dalam pentadbiran dan pengurusan Islam atau perundangan Islam. Orang yang mula-mula melaksanakan tugas ini ialah Rasulullah S.A.W. iaitu ketika baginda berjalan-jalan di Pasar Madinah untuk memerhatikan keadaan di pasar. Sebelum institusi *Hisbah* menjadi sebuah jabatan kerajaan dan *muhtasib* dilantik secara rasmi, umat Islam terutamanya Rasulullah s.a.w. dan para sahabat telah melaksanakan fungsi tersebut dengan sendirinya. Mereka sentiasa menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran

⁸³ Temubual dengan Tuan Ahmad Ruslan Bin Mohamad Ariffin , Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan Dan Sumber) , Bahagian Penguatkuasa, KPDNHEP, pada hari Khamis, 18 Oktober 2001, jam 11 pagi

serta membimbing umat Islam dalam urusan duniawi atau keagamaan⁸⁴ dan kadang-kadang bertindak dengan kuasa. Apabila mendapati masyarakat tidak memberi komitmen, tindakan akan diambil seperti memberikan bimbingan dan teguran, memberikan nasihat dengan mengenakan ugutan dan ancaman, tindakan dengan menggunakan tangan, sebatan, menggunakan pembantu atau senjata, ataupun dikenakan hukuman *al-Ta'zir*⁸⁵. Tindakan-tindakan ini bergantung kepada tahap-tahap kemunkaran yang dilakukan.

Berdasarkan kajian kitab-kitab sirah dan kitab-kitab sunnah, sumber sejarah mendapati penjelasan mengenai perkembangan *Hisbah* pada zaman Rasulullah S.A.W berdasarkan kepada firman Allah :

وَلْتَكُن مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ
الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُقْلِّهُونَ ۱۰۴

(Sūrah Āli-'Imrān (3): 104)

Terjemahan : "Hendaklah kamu tergolong di kalangan umat yang mengajak kepada kebijakan, menyuruh mengerjakan yang benar dan melarang membuat salah. Mereka itulah orang-orang yang beruntung (mendapat kemenangan)".

Rasulullah S.A.W telah memerintahkan agar permulaan pengawasan dilakukan terhadap diri sendiri dan perintah ini diikuti oleh Khalifah ar-Rasyidin dan

⁸⁴ Muhammad al-Buraey (1985), *Administrative Development An Islamic Perspective*, England: KPI Limited, hlm. 264.

⁸⁵ Hukuman *al-Ta'zir* ini boleh dilaksanakan dalam pelbagai (bergantung kepada budi bicara *muhtasib*) bentuk sama ada memukul, memenjarakan, menyingkirkan, merosakkan, mengisyiharkan kesalahan pesalah di khalayak ramai ataupun membunuhnya. Lihat Auni Hj. Abdullah, *Hisbah Dan Pentadbiran Negara* (2000), Kuala Lumpur: IKDAS, hlm. 89-92.

dijalankan dengan mengawasi pasar dan jalan-jalan dengan tujuan menegakkan yang makruf dan menghalang perkara-perkara mungkar yang ternyata dilakukan.

Selain daripada ayat di atas, terdapat beberapa dalil yang menunjukkan pelaksanaan *Hisbah* pada zaman Nabi⁸⁶ seperti hadis berikut⁸⁷:

عَنْ سَالِمٍ عَنْ أَبِيهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ رَأَيْتُ الَّذِينَ يَشْتَرِيُونَ الطَّعَامَ مُجَازِفَةً بِضَرِبِيَّوْنَ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَبْيَقُهُ حَتَّى يُؤْوَفَوْهُ إِلَى رَحْلَاهُمْ

"Daripada Ibn 'Umar r.a., katanya: "Pada masa Rasulullah s.a.w., saya melihat orang-orang yang menjual beli makanan dengan kira-kira (tanpa timbang dan sukat), mereka dipukul kerana menjualnya hingga mereka dipindahkan ke tempat mereka".

Daripada dalil tersebut memperlihatkan Rasulullah s.a.w. telah meletakkan *Hisbah* di bawah tanggung jawab seorang ketua agar memerintahkan manusia melaksanakan kebaikan dan meninggalkan kemunkaran khususnya di pasar-pasar⁸⁸.

Menurut Ahmad Ibrahim Abū Sin, pengawasan atau pengawalan yang dilakukan oleh kerajaan terhadap semua aktiviti telah bermula pada zaman Rasulullah S.A.W.⁸⁹. Fakta ini sedikit sebanyak telah menolak dakwaan para orientalis yang berpandangan bahawa pelaksanaan *Hisbah* bukan berasal daripada tamadun Islam tetapi berasal daripada kalangan orang-orang Yunani.

⁸⁶ As-Syahawi (1962), *al-Ḥisbah Fi al-Islām*, Qaherah: Maktabah Dar al-'Urubah, hlm. 104.

⁸⁷ Abu 'Abdullah Muhammad bin Ismā'il al-Bukhārī, *Fath al-Bārī bi Syarḥ saḥīḥ al-Bukhārī*, kitāb al-buyū', bab mā yazkur fi at-Ta'ām wa al-hikrah, no.hadis: 1987.

⁸⁸ As-Syahawi, *op.cit.*

⁸⁹ Ahmad Ibrahim Abū Sin (1984), *al-Idārah Fi al-Islām*, Qaherah: Maktabah Wahbah., hlm. 116.

Sebagai amalan yang berakar umbi dalam sejarah dan tamadun Islam, ia didapati telah bertunas sejak zaman Rasulullah lagi, tetapi pada masa baginda, panggilan bagi mereka yang menjalankan tugas ini dikenali dengan sebutan ‘penyelia pasar’ (*şâhib as-sûq*) ataupun ‘petugas pasar’ (*'âmil âla as-sûq*) yang bertanggung jawab menyelia dan mengawasi perjalanan perniagaan di pasar dan menentukan kedudukan timbangan dan sukanan dalam urusniaga⁹⁰. Namun hanya pada akhir pemerintahan Kerajaan Umayyah barulah panggilannya berubah menjadi *muhtasib*⁹¹. Berdasarkan kepada laporan sejarah ini membuktikan, pelaksanaan *Hisbah* dalam sejarah Islam bermula di pasar kerana kegiatan melakukan munkar atau tidak melakukan makruf banyak berlaku di sekitar pasar sehingga panggilan kepada kaki tangan sebagai penyelia pasar.

Pernah diriwayatkan bahawa Rasulullah telah melantik Saïd Ibn al-'As Ibn Umayyah untuk mengawasi kegiatan perdagangan di Kota Mekah selepas berlakunya peristiwa pembukaan Kota ini oleh baginda Rasulullah s.a.w.. 'Uthmân Bin al-'As telah dilantik bertugas di Taif, sementara Saidinâ'Umar Bin al-Khaṭṭâb telah diberi kepercayaan menyelia urusan perdagangan di Madinah. Bahkan Rasulullah pernah menugaskan perempuan iaitu Samrâ' Bt Nahik al-Asadiyah untuk menjalankan tugas ini. Samra' diriwayatkan pernah menjalankan tugas meronda di pasar dengan menggunakan sebatang tongkat⁹².

⁹⁰ Auni Hj. Abdullah, *op.cit.*, hlm 18-19.

⁹¹ Ma'tuq, Rasyad Abbas (1982), *Nizam al-Hasbah Fil Iraq*, Jeddah: Tihama, hlm. 43.

⁹² Ma'tuq, Rasyad 'Abbas, *op.cit.*, hlm. 43. Lihat juga as-Syahawi, *al-Hasbah Fi al-Islâm*, *op.cit.*, hlm. 104.

Sejarah telah menunjukkan bahawa institusi *Hisbah* merupakan warisan tamadun Islam dan menolak kepercayaan bahawa ia tidak pernah wujud di zaman awal Islam dan diamalkan oleh Rasulullah dan para sahabat baginda⁹³. Terdapat di kalangan orientalis dan para sarjana kontemporari telah berpendapat institusi *hisbah* bukan daripada warisan Islam, contohnya seperti Gustav E. Greenbaum yang berpendapat bahawa *hisbah* adalah ditiru dari institusi *Agoranamous* yang diamalkan semasa Roman Byzantine⁹⁴. Namun begitu tidak kurang juga ramai yang berpendapat bahawa Rasulullah merupakan orang yang mula-mula melaksanakan tugas ini⁹⁵.

Rasulullah s.a.w. juga telah menegah perbuatan *ihtikar*, jual beli yang mengandungi unsur-unsur *gharar* (tipu), perbuatan orang bandar yang membeli barang orang kampung dengan harga yang murah sebelum mereka sempat ke bandar dan mengetahui harga semasa barang mereka (*talaqqi ar-rukhān*), mengarahkan suatu jualan dengan akad dan seterusnya⁹⁶.

2.9.2 Zaman Abu Bakar As-Şiddīq

Khulafak ar-Rayidin telah meneruskan metod yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah S.A.W. dahulu iaitu tugas mengawasi pasar-pasar supaya tidak berlaku kemungkar-an-kemungkaran yang dilarang oleh syarak. Sebagai pengganti Nabi yang

⁹³ Dr. Ahmad Che Yaacob, *op.cit.*, hlm. 124.

⁹⁴ Dr. Ahmad Che Yaacob, *Ibid.*, diambil daripada Greenbaum, Classical Islam, terjemahan ke Bahasa Inggeris oleh Watson, hlm. 100-101.

⁹⁵ Mahmud Saedon A.Othman (1996), *Institusi Pentadbiran Undang-Undang Dan Kehakiman Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 188.

⁹⁶ Ibn Qayyim al-Jauziyah, *op.cit.*, hlm. 350.

pertama, Abu Bakar As-Siddiq (632M-634M) telah melaksanakan tugas ini dengan sebaik mungkin. Contohnya beliau pernah menjalankan pengawasan ke atas salah seorang daripada sahabatnya iaitu 'Abdul Rahman Bin 'Auf r.a⁹⁷.

2.9.3 Zaman Khalifah 'Umar al-Khaṭṭāb

Saidina 'Umar al-Khaṭṭāb (634M-644M) juga telah diberi kepercayaan menyelia urusan perniagaan di Madinah. Malahan 'Umar telah memperkemaskan lagi pengurusan dan pentadbirannya. Baginda sendiri mengetuainya dengan mengadakan pemeriksaan barang makanan, manisan roti, buah-buahan, timbangan, sukanan dan seterusnya di pasar agar tidak ada penipuan. Saidina 'Umar pernah mengawalselia pasar dan beliau telah menghukum peniaga yang bersalah⁹⁸.

Khalifah 'Umar merupakan seorang yang terkenal dengan *Hisbah* kerana telah mengawal selia pasar. Diriwayatkan Khalifah 'Umar pernah mencurahkan susu ke tanah kerana adanya penipuan dengan mencampurkan susu dengan cecair lain. Ini dilakukan oleh beliau di hadapan peniaga tersebut. Khalifah juga telah melarang para penyair daripada menjadikan wanita sebagai bahan tarikan dan hiasan dalam syair mereka. Sesiapa didapati melakukannya akan disebat sebanyak 20 kali⁹⁹.

Saidina 'Umar juga dikatakan pernah bertugas sendiri sebagai *muhtasib*. Beliau sering berjalan-jalan meninjau keadaan di pasar dengan memberikan teguran

⁹⁷ Al-'Arifi, Said Ibn Abd Allah, *op.cit.*, hlm. 26-27.

⁹⁸ *Ibid.*, hlm. 27.

⁹⁹ Hassan Ibrahim Ḥassan (1965), *Tarikh al-Islāmī*. Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah, Jilid 3, hlm. 316.

dan arahan, kemudian beliau menugaskan al-Sa'ib Ibn Yazid dan 'Abdullah Ibn 'Utbah untuk mengawasi perjalanan pasar di Kota Madinah¹⁰⁰. Selain itu 'Umar juga telah melantik Sulaiman Bin Abi Hasnah Abi Ghaniyyah Bin 'Amir al-Qarshiy untuk mengawas pasar dan juga menyeru masyarakat manusia supaya menuai puasa pada bulan Ramadhan¹⁰¹.

Sehubungan dengan itu, 'Umar juga telah melantik golongan wanita sebagai *muhtasib* sepetimana yang pernah dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. sebelum ini. Contohnya melantik Syedah al-Syifa' dan al-Syedah Samra' Bt. Nahik sebagai *muhtasib* pasar di Madinah. Mereka juga dibekalkan tongkat seperti Khalifah 'Umar sewaktu menjalankan tugas¹⁰². Diriwayatkan juga bahawa Khalifah 'Umar telah memecahkan rumah Rashid as-Thaqafi kerana didapati menjual arak di situ¹⁰³.

Keadaan ini jelas menunjukkan 'Umar al-Khattab amat tegas dan amanah dalam mengawasi urusan perniagaan dengan melarang para peniaga daripada melakukan perkara-perkara yang mungkar di sisi syarak.

2.9.4 Zaman Khalifah 'Uthmān al-'Affān

Pada zaman Khalifah 'Uthman (644M-655M) ini, beliau telah mengetuai pengurusan di pasar-pasar, di samping mengurus sendiri pelaksanaan perintah amar makruf dan nahi mungkar tersebut. Khalifah 'Uthmān dikatakan amat serius ketika

¹⁰⁰ Auni Hj. Abdullah, *op.cit.*, hlm. 19. Lihat juga As-Syahawi, *op.cit.*, hlm. 105.

¹⁰¹ Dr. Subhi 'Abd al-Mun'im Muhammad, *op.cit.*, hlm. 22.

¹⁰² Atiyyah Mustafa Musyrifah, *op.cit.*, hlm. 181.

¹⁰³ Dr. Subhi Abd al-Mun'im, *op.cit.*, hlm. 23.

menjalankan tugas yang diamanahkan kepadanya dalam usaha melaksanakan hukum *Hisbah* di pasar-pasar.

Sungguhpun demikian, Khalifah `Uthmān pernah melantik beberapa orang pembantu seperti al-Ḥarith Ibn al-`As untuk melaksanakan tanggung jawab ini¹⁰⁴. Beliau juga pernah melantik al-Ḥarith Bin al-Ḥakām untuk menyelia pasar di Madinah¹⁰⁵.

2.9.5 Khalifah `Alī Bin Abī Ṭalib

Khalifah `Alī (655M-651M) juga dikatakan telah memberikan perhatian yang serius dalam menegakkan makruf dan menjauhi kemungkaran di pasar-pasar¹⁰⁶. Usaha-usaha yang dibuat oleh Khalifah `Alī tersebut menunjukkan bahawa seruan amar makruf dan nahi mungkar itu merupakan jihad yang paling mulia bagi sesiapa yang melaksanakannya.

Seperti khalifah-khalifah yang sebelumnya, Saidina `Alī juga telah menjalankan sendiri tugas-tugas mengawal selia pasar di Kufah. Semasa melaksanakan tugas selia ini, beliau membawa bersama-samanya sebatang tongkat dengan tujuan menggerunkan orang ramai terhadap dirinya selaku penyelia di situ. Di samping mengawasi timbangan dan sukatan yang digunakan oleh para peniaga,

¹⁰⁴ Al-'Arifi, *op cit.*, hlm. 28.

¹⁰⁵ Dr.Ahmad Che Yaacob, *op.cit.*, hlm. 125.

¹⁰⁶ Al-'Arifi, *op cit.*, 28.

Şaidina 'Alī juga sentiasa menasihati para penjual agar bertakwa kepada Allah Taala dan mengingatkan para penjual agar sentiasa berbuat baik dalam urusan jual beli¹⁰⁷.

2.9.6 Hisbah Pada Zaman Bani Umayyah

Amalan *Hisbah* ini tidak berakhir pada zaman pemerintahan Khulafak ar-Rasyidin sahaja, malah ia turut dilaksanakan pada zaman pemerintahan Empayar Umayyah (661M-750M). Pada zaman pemerintahan Hisyām Ibn 'Abdul Mālik (724-743M), terdapat dua orang adik beradik iaitu Daud dan 'Isā Ibn 'Alī Ibn 'Abdullah Ibn 'Abbas yang ditugaskan mengawal pasar-pasar di Iraq. Sebelum itu, Khalifah al-Wālid Ibn 'Abdul Mālik (743-744M) pernah diriwayatkan meronda-ronda di pasar-pasar sambil bertanya dan bertukar fikiran dengan para penjual sayur mengenai harga barang-barang.

Kepentingan institusi *Hisbah* ini bertambah ketara pada zaman akhir pemerintahan Kerajaan Umayyah dengan berkembangnya jajahan takluk Islam¹⁰⁸. Pada zaman akhir pemerintahan Kerajaan Bani Umayyah inilah perkataan *muhtasib* mula digunakan untuk menggantikan panggilan penyelia pasar (*şahib al-sūq*) atau petugas di pasar (*al-'āmil fil sūq*). Jawatan *muhtasib* ini mula digunakan pada zaman pemerintahan Khalīfah Hisyām 'Abdul Mālik dari tahun (105H-125H) / (742-743M)¹⁰⁹.

¹⁰⁷ *Ibid.*

¹⁰⁸ Auni Hj. Abdullah, *Op.cit.*, hlm. 20.

¹⁰⁹ Sihām Mustafa Abu Zāid (1986), *al-Ḥisbah Fī al-Meṣr al-Islāmiyyah*. Meşir: al-Haiah al-Miṣriyah al-A'mmah Lil Kitab, hlm. 41.

2.9.7 Zaman Pemerintahan Abbāsiyah

Pelaksanaan institusi ini telah diteruskan lagi pada zaman pemerintahan Abbāsiyah (750-1258M). Pada masa pemerintahan Khalifah al-Manṣūr (755-785M), Asim Bin Sulaimān telah mengetuai tugas *muhtasib* di Kufah mengawasi sukatan dan timbangan. Begitu juga dengan Abu Zakarya Yahya Bin Abdullah menjadi *muhtasib* di Baghdad pada zaman al-Manṣūr. Walau bagaimanapun *muhtasib* ini telah dibunuh oleh khalifah al-Manṣūr¹¹⁰ kerana menyalahgunakan kuasa yang diberikan padanya. Kewujudan *muhtasib-muhtasib* pada zaman pemerintahan Khalifah al-Manṣūr menafikan pendapat-pendapat yang mangatakan ar-Rashid merupakan orang yang mula-mula melaksanakan tugas *Hisbah* ini di Baghdād. Sepertimana juga menafikan pendapat-pendapat yang mengatakan undang-undang ini lahir pertama kali pada zaman Khalifah al-Mahdi al-Abbāsi dan mengatakan beliau sebagai pengasas undang-undang *Hisbah*¹¹¹.

Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Mahdi (775-785M), institusi *Hisbah* telah lahir dalam bentuk yang lebih jelas selaras dengan langkah Kerajaannya untuk memperkuatkan pelaksanaan Syariah. Institusi ini telah dibentukkan sebagai jabatan (Diwan) yang berasingan di peringkat pusat seperti jabatan-jabatan lain dengan tujuan melicinkan pentadbiran di wilayah-wilayah. Bidang tugas institusi ini tidak lagi terbatas kepada kegiatan dipasar-pasar dan kegiatan-kegiatan ekonomi yang lain sahaja seperti pertukangan, perdagangan dan perindustrian. Pada zaman khalifah

¹¹⁰ Dr. Subhi Abd al-Mun'im, *op.cit.*, hlm. 25.

¹¹¹ *Ibid.*, hlm. 25-26.

al-Muqtadir (907-932M), 'Ulama' Abu Sa'id al-Astakhri telah dilantik sebagai *muhtasib* di kota Baghdad dengan kuasa yang lebih luas¹¹².

Selepas daripada zaman Abbāsiyah, institusi *Hisbah* berkembang dengan lebih pesat di tanah Arab, Andalus, Turki, Iran dan sebagainya . Selaras dengan itu berlaku perubahan peranan muhtasib yang selari dengan perkembangan sistem perundungan dan kehakiman Islam. Dari sudut sejarah, didapati pertumbuhan institusi *Hisbah* dari segi fungsinya berkait rapat dengan institusi pentadbiran dan kehakiman kerana masing-masing bertujuan menegakkan syariah di samping faktor-faktor lain yang sering dikaitkan dengan pertumbuhan institusi *Hisbah* ini.

2.10 KEDUDUKAN *ḤISBAH* DARI SEGI PERSPEKTIF PENGADILAN

Hisbah merupakan salah satu daripada badan kehakiman yang berfungsi mengadili para pesalah yang melakukan kesalahan. Akan tetapi kesalahan yang diadili oleh badan ini hanyalah khusus kepada kesalahan-kesalahan atau kemungkaran-kemungkaran yang zahir nampak oleh mata kasar. Ini bermakna bagi kes-kes yang tidak zahir, institusi ini tidak berhak untuk mengadilinya. Bagi melaksanakan hukuman bagi kes-kes yang diadili, penguasa *Hisbah* tidak sewenang-wenangnya melaksanakan tindakan hukuman ke atas pesalah, sebaliknya terdapat beberapa peringkat tindakan tertentu yang perlu diikuti supaya tujuan utama institusi ini untuk melaksanakan *amar makruf* dan *nahi munkar* terlaksana dengan sempurna.

¹¹² Auni Hj. Abdullah, *op.cit.*, hlm. 20.

Untuk tujuan tersebut, Imam al-Ghazali telah menetapkan tindakan-tindakan itu kepada sembilan peringkat iaitu¹¹³:

Peringkat pertama *taaruf* iaitu berusaha mencari segala bentuk kemungkaran yang dilakukan oleh orang ramai. Namun peringkat ini kurang dipersetujui oleh beliau sendiri kerana mencari keburukan orang lain atau dengan perkataan lain *tajassus*. Namun kadang-kadang kemungkaran dilakukan secara tersembunyi yang memerlukan pengenalan dan penyelidikan dilakukan dengan lebih terperinci.

Peringkat kedua pemberitahuan (*ta'arif*) iaitu memberikan teguran atau peringatan kepadanya. Tindakan ini ditujukan kepada sesiapa yang bodoh dan memerlukan penerangan yang mendalam tentang kemungkaran. Contohnya kepada orang yang jahil dalam mengerjakan solat.

Peringkat ketiga melarang dengan memberikan nasihat, pengajaran dan ancaman supaya takut kepada siksaan Allah. Tindakan ini pula dilakukan secara lemah lembut ke atas seseorang yang sudah mengetahui tentang perkara-perkara mungkar tetapi masih melakukannya. Mereka ini perlu dinasihati dan diberikan peringatan dengan balasan dan siksaan Allah di dunia dan akhirat.

Peringkat keempat mencerca dan menggertak dengan kata-kata keras dan kasar. Langkah ini dilakukan sekiranya seseorang itu tidak mengendahkan nasihat secara

¹¹³ Al-Ghazali, *Ihya' Ulumuddin, op.cit.*, hlm 520-532.

lembut dan masih berterusan melakukan kemungkaran.

Peringkat kelima melakukan tindakan dengan perbuatan. Menurut al-Ghazālī, tindakan-tindakan itu seperti menumpahkan arak, membuka kain sutera dari kepala dan badan seorang lelaki, menghalau seseorang dari rumah yang dimiliknya secara tidak sah, menghalau seseorang dari duduk di dalam masjid sekiranya sedang berhadas besar dan sebagainya lagi. Tindakan ini tidak bererti boleh memukul atau mencederakan, sebaliknya dengan sekadar yang diperlukan.

Peringkat keenam menggunakan ancaman dan gertakan supaya timbul perasaan gerun kepada pihak penguasa. Akan tetapi ancaman dan gertakan tersebut mestilah bersesuaian untuk dilaksanakan iaitu tidak terlalu keras.

Peringkat ketujuh memukul dengan tangan dan kaki tanpa menggunakan senjata. Ini dilakukan sekiranya gertakan tidak dihiraukan sebaliknya berterusan melakukan kemungkaran.

Peringkat kelapan menggunakan pembantu dan senjata akibat daripada keadaan yang terlalu memaksa. Penguasa memerlukan pembantu apabila sasaran membalaik dengan kekerasan bilamana diambil tindakan ke atasnya.

Peringkat kesembilan menggunakan pelbagai bentuk hukuman *ta'azir*. *Al-Ta'azir* ialah hukuman yang tergolong di bawah undang-undang jenayah Islam di samping

hukuman-hukuman *hudūd*, *qīṣāṣ* dan *diyah*¹¹⁴. Hukumannya adalah ringan, bertujuan mendera dan mendidik para pesalah supaya tidak mengulangi lagi kesalahannya. Walau bagaimanapun pelaksanaan ta'azir ini bergantung kepada penguasa (*muhtasib*). Hukuman ini boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk sama ada memukul, memenjarakan, menyingkirkan, merosakkan, mengisyiharkan kesalahan pesalah dikhlayak ramai ataupun membunuhnya¹¹⁵.

Daripada peringkat-peringkat tindakan yang diterangkan ini, didapati tindakan *Hisbah* dilaksanakan dengan penuh tertib yakni tidak terburu-buru supaya dapat memberikan pengajaran dan keinsafan kepada pesalah supaya tidak lagi mengulanginya. Hal ini bersesuaian dengan tujuan tindakan *Hisbah* iaitu menghapuskan kemungkaran serta menggantikannya dengan kebaikan dan¹¹⁶ kemaslahatan. Sehubungan dengan kenyataan ini dapat dilihat kepada sebuah hadis daripada Rasulullah S.A.W. yang berbunyi¹¹⁷:

مَنْ رَأَىٰ مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيَنْكِرْهُ بِيَدِهِ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَلِسَانَهُ
وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فِي قَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانَ

Bermaksud : "Sesiapa sahaja daripada kamu yang melihat kemungkaran, maka hendaklah dia merubahnya dengan tangan, jika dia tidak mampu, maka hendaklah dia merubahnya dengan lidah, jika dia tidak mampu juga, maka hendaklah dia merubahnya dengan hati, yang demikian itu adalah selemah-lemah iman."

¹¹⁴ Auni Abdullah, *op.cit.*, hlm 89.

¹¹⁵ *Ibid.*

¹¹⁶ Mohd Parid. Sheikh Hj. Ahmad, *Sistem Hisbah Dalam Islam*. Kertas Kerja IV, (Kursus Jangka pendek ekonomi Islam, Julai-Disember 1986), hlm. 191.

¹¹⁷ Imām al-Hāfiẓ Abi ‘Isa Muḥammad Bin ‘Isa Bin Surat at-Tirmidhi (t.t), *Sunan at-Tirmidhi wa Huwa al-Jami’ as-sahih*, bab Ma Jaa Fi Taghyir al-Munkar Bi al-Yad au Bi al-Lisān au Bi al-Qalbi, no. Hadis. 2263.

Berdasarkan kepada hadis tersebut, jelas menunjukkan tindakan *Hisbah* terbahagi kepada tiga peringkat iaitu ¹¹⁸:

Pertama : Tindakan *Hisbah* dengan tangan atau dengan kekuatan dan kekuasaan, penggunaan senjata dan dengan sokongan pembantu-pembantu.

Kedua : Tindakan *Hisbah* menerusi lidah, perbicaraan, nasihat, pendidikan, amaran-amaran tentang siksaan Allah Taala dan akibat-akibat buruk keengganan meninggalkan kemungkaran.

Ketiga : Tindakan *Hisbah* menerusi hati dan membenci kemungkaran itu dengan sesungguhnya. Akan tetapi tindakan ini hanyalah dalam konteks individu dan orang awam memandangkan tahap keupayaan seseorang individu dan masyarakat awam itu lebih terbatas. Namun, dalam konteks institusi ataupun jabatan, tindakan ini tidak bertepatan dengan tuntutan syarak. Ini kerana dalam sekelompok institusi atau jabatan yang ditubuhkan, terdapat golongan atau orang perseorangan yang lebih berautoriti untuk melaksanakan sesuatu tindakan hukuman.

Di dalam sejarah pelaksanaan hukum *Hisbah*, hukuman dilaksanakan berdasarkan jenis-jenis kesalahan yang dilakukan. Contohnya hukuman bagi mereka yang tidak menunaikan kewajipan seperti enggan membayar balik hutang sedangkan mereka mampu membayarnya, atau enggan memulangkan balik barang yang dirampasnya kepada tuannya ialah sebat bagi setiap satu kesalahan, sehari sekali sehingga galah mereka menunaikan tanggungjawabnya. Selain itu bagi kesalahan-

¹¹⁸ Mohd. Parid, *op.cit.*, hlm. 190-191.

kesalahan tertentu, pesalah akan dikenakan denda.

Kenyataan ini merujuk pendapat dalam mazhab Maliki dan Hambali berdasarkan kepada satu cerita bahawa Rasulullah s.a.w. pernah memerintahkan supaya merosakkan alat penyimpan arak (tempayan besar) dan mengambil sebahagian harta orang yang enggan mengeluarkan zakat¹¹⁹. Selain itu juga pada masa pemerintahan 'Uthman bin 'Affān baginda telah memerintahkan supaya dibakar mashaf yang menyalahi al-Qurān yang betul, begitu juga dengan 'Umar yang telah memerintahkan agar menuang susu yang dijual bercampur dengan air, menyingkirkan peniaga yang belot semasa menjalan perniagaan dan pelbagai jenis hukuman lagi yang telah dilaksanakan.

2.11 KESIMPULAN

Daripada apa yang telah dibincangkan memperlihatkan bahawa Institusi *Hisbah* merupakan sebuah institusi yang merealisasikan prinsip al-amr bil makruf wa al-nahyi anil-munkar. Institusi *Hisbah* juga merupakan institusi yang berjaya menyerlahkan falsafahnya dalam pelbagai urusan kehidupan terutamanya di dalam bidang ekonomi memandangkan sejarah asal-usulnya yang bermula di dalam bidang tersebut. Melalui institusi ini juga, wujud pelbagai agensi dan jabatan Kerajaan pada hari ini yang mana tanggung jawabnya mirip seperti yang dilaksanakan oleh institusi ini dahulu. Penyempurnaan prinsip *amr makrūf nāhi munkar* ini merupakan

¹¹⁹ Abdul Sami' al-Miṣr, *op.cit.*, hlm.33-34.

pelaksanaan perintah al-Quran agar melakukan kebaikan dan menjauhi segala bentuk kemnunkaran. Sebagai umat Islam, kita seharusnya sama-sama berusaha agar menghidupkan kembali peranan institusi ini dan berijtihad memperkembangkannya bersesuaian dengan situasi semasa supaya faedahnya dapat dinikmati bersama. Keadaan-keadaan ini menunjukkan bahawa matlamat tindakan *Hisbah* adalah untuk amar makruf dan nahi mungkar sesuai dengan pengertian asalnya dan bukannya untuk menyiksa mana-mana pihak yang berbuat salah.